


# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2016


PENYATA KEWANGAN  
KERAJAAN NEGERI DAN  
PRESTASI KEWANGAN  
AGENSI

**NEGERI PERAK**



JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA





# **LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA**

**PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI  
DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI**

**NEGERI PERAK  
TAHUN 2016**

Jabatan Audit Negara Malaysia



KANDUNGAN





---

# KANDUNGAN


---

## PERKARA

## MUKA SURAT

|                                                                                                                    |     |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| <b>KATA PENDAHULUAN</b>                                                                                            | vii |
| <b>INTISARI LAPORAN</b>                                                                                            | xi  |
| <b>BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN<br/>NEGERI PERAK BAGI TAHUN BERAKHIR<br/>31 DISEMBER 2016</b> |     |
| Pendahuluan                                                                                                        | 3   |
| Objektif dan Metodologi Pengauditan                                                                                | 4   |
| Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak Bagi Tahun<br>Berakhir 31 Disember 2016                          | 4   |
| <b>BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI</b>                                                             |     |
| Latar Belakang                                                                                                     | 9   |
| Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri                                                                                 | 9   |
| Kumpulan Wang Disatukan                                                                                            | 9   |
| Wang Awam                                                                                                          | 11  |
| Akaun Hasil Disatukan                                                                                              | 12  |
| Akaun Pinjaman Disatukan                                                                                           | 23  |
| Akaun Amanah Disatukan                                                                                             | 24  |
| Penyata Prestasi Kewangan                                                                                          | 27  |
| Penyata Akaun Memorandum                                                                                           | 28  |
| Nota Kepada Penyata Kewangan                                                                                       | 34  |
| Rumusan dan Syor Audit                                                                                             | 37  |
| <b>BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI</b>                                                        |     |
| Pencapaian Pelaksanaan Projek Pembangunan RMKe-11                                                                  | 41  |
| Rumusan                                                                                                            | 44  |
| <b>BAHAGIAN IV - PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA<br/>KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI</b> |     |
| Pendahuluan                                                                                                        | 47  |
| Pengauditan Penyata Kewangan                                                                                       | 47  |
| Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan                                                                              | 47  |
| Pengesahan Penyata Kewangan                                                                                        | 48  |
| Pembentangan Penyata Kewangan                                                                                      | 48  |

| <b>PERKARA</b>                                                                                                                                                | <b>MUKA SURAT</b> |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------|
| Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri                                                                                                                       | 48                |
| Rumusan dan Syor Audit                                                                                                                                        | 60                |
| <br><b>BAHAGIAN V - PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA<br/>DAN MESYUARAT JAWATANKUASA<br/>KIRA-KIRA WANG NEGERI</b>                                      |                   |
| Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai<br>Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Aktiviti Jabatan/Agensi Serta<br>Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri | 65                |
| Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri                                                                                                                  | 65                |
| <b>PENUTUP</b>                                                                                                                                                | 69                |
| <br><b>LAMPIRAN</b>                                                                                                                                           |                   |
| <b>I</b> Laporan Ketua Audit Negara                                                                                                                           | 73                |
| <b>II</b> Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri Perak dan<br>Bendahari Negeri Perak                                                                              | 74                |
| <b>III</b> Penyata Kedudukan Kewangan                                                                                                                         | 75                |
| <b>IV</b> Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai                                                                                                        | 76                |
| <b>V</b> Penyata Prestasi Kewangan                                                                                                                            | 77                |
| <b>VI</b> Penyata Akaun Memorandum                                                                                                                            | 78                |
| <b>VII</b> Nota Kepada Penyata Kewangan                                                                                                                       | 79                |



KATA PENDAHULUAN



---

# KATA PENDAHULUAN

---

1. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Perak Tahun 2016 ini mengandungi laporan mengenai Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Analisis Kewangan Kerajaan Negeri, Rancangan Pembangunan Kerajaan Negeri, Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan dan Prestasi Penyata Kewangan Agensi Negeri serta Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri. Laporan mengenai Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi yang biasanya dilaporkan dalam Laporan ini dilaporkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti/ Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perak Tahun 2016 Siri 1.
2. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan/Negeri/Agensi dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan akan memperkenankan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Perak.
3. Laporan mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak Tahun 2016 disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di Pejabat Perbendaharaan Negeri dan beberapa Jabatan/Agensi Negeri sepanjang tahun 2016. Bagi tujuan pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak Tahun 2016, pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen yang berkaitan dengan terimaan dan bayaran telah dijalankan di Pejabat Perbendaharaan Negeri.
4. Pengauditan dijalankan adalah bertujuan untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan adalah dibuat dengan berpanduan kepada Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan serta *International Standards of Supreme Audit Institution (ISSAI) 1000*.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi Negeri Perak yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Madinah Binti Mohamad', with a horizontal line drawn underneath it.

**(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)**

**Ketua Audit Negara**

**Malaysia**

**Putrajaya**

**11 Oktober 2017**

INTISARI LAPORAN





---

# INTISARI LAPORAN

---

## **BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PERAK BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

1. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 telah disahkan. Dokumen sokongan bagi mengesahkan semua angka telah disediakan dengan sewajarnya. Rekod perakaunannya juga diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan tersebut menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2016.

## **BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**

2. Secara keseluruhannya, analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri adalah baik. Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2016 adalah RM951.13 juta, menurun sejumlah RM1.04 juta berbanding RM952.17 juta pada akhir tahun 2015. Pada tahun 2016, Kerajaan Negeri mencatatkan surplus sejumlah RM2.80 juta berbanding RM4.08 juta pada tahun 2015. Kutipan hasil meningkat sejumlah RM54.57 juta atau 5.7% menjadi RM1,011.50 juta berbanding RM956.93 juta pada tahun 2015. Tunggakan hasil menurun sejumlah RM23.73 juta atau 21.1% kepada RM88.74 juta daripada RM112.47 juta pada tahun 2015. Perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri pada keseluruhannya meningkat sejumlah RM55.85 juta atau 5.9% iaitu daripada RM952.85 juta pada tahun 2015 kepada RM1,008.70 juta pada tahun 2016.

3. Baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun sejumlah RM237.93 juta atau 39.5% daripada RM602.98 juta pada tahun 2015 kepada RM365.05 juta pada tahun 2016. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut meningkat sejumlah RM4.38 juta atau 39.1% daripada RM11.19 juta pada tahun 2015 kepada RM15.57 juta pada tahun 2016. Pelaburan saham meningkat RM1.18 juta atau 1.5% pada tahun 2016. Jumlah hutang awam menurun sejumlah RM268.49 juta atau 44.3% menjadi RM338.25 juta berbanding RM606.74 juta pada tahun 2015. Tiada tunggakan hutang awam oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2016.

## **BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI**

4. Pada keseluruhannya, prestasi pelaksanaan projek pembangunan Kerajaan Negeri di bawah RMKe-11 yang berakhir pada tahun 2016 adalah sangat baik. Sejumlah RM370.30 juta atau 93.2% telah dibelanjakan berbanding RM397.44 juta peruntukan yang diluluskan. Daripada 1,029 jumlah projek yang dirancang,

745 projek atau 72.4% telah berjaya disiapkan, 83 projek atau 8.1% sedang dilaksanakan dan hanya 201 projek atau 19.5% belum dimulakan.

#### **BAHAGIAN IV - PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI**

5. Setakat 30 Jun 2017, penyerahan dan penyediaan Penyata Kewangan Tahun 2016 bagi 13 Badan Berkanun Negeri (BBN), 15 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah baik. Bagaimanapun, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak belum menyerahkan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 untuk pengauditan. Semua Penyata Kewangan Tahun 2015 telah disahkan dan 29 Penyata Kewangan diberi Laporan Ketua Audit Negara Tanpa Teguran manakala satu (1) Laporan Ketua Audit Negara Berteguran. Setakat 30 Jun 2017, semua Penyata Kewangan Tahun 2015 BBN dan PBT telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Perak kecuali Lembaga Muzium Negeri Perak dan Lembaga Air Perak.

6. Pada keseluruhannya, berdasarkan penyata kewangan 13 BBN yang belum diaudit, kedudukan kewangan bagi tahun 2016 adalah memuaskan berbanding tahun 2015. Pada akhir tahun 2016, surplus pendapatan terkumpul atau keuntungan terkumpul BBN meningkat sejumlah RM48.28 juta atau 4.1%, jumlah aset bersih meningkat sejumlah RM430.33 juta atau 11.2%, aset semasa bersih menurun sejumlah RM284.33 juta atau 17.9% dan surplus pendapatan tahun semasa atau keuntungan tahun semasa meningkat sejumlah RM13.82 juta atau 10.2% berbanding tahun 2015. Pada 31 Disember 2016, tujuh (7) daripada 18 anak syarikat yang aktif di bawah lima (5) BBN telah mendapat surplus terkumpul secara keseluruhannya yang berjumlah RM373.32 juta manakala 12 telah menunjukkan defisit terkumpul secara keseluruhan iaitu RM204.62 juta. Satu (1) anak syarikat yang dorman di bawah satu (1) BBN telah mendapat defisit terkumpul secara keseluruhan iaitu RM0.08 juta. Pada keseluruhannya, PBT mencatatkan surplus sejumlah RM15.51 juta pada tahun 2016. Tunggakan cukai taksiran telah meningkat sejumlah RM3.68 juta atau 4.3% daripada sejumlah RM85.92 juta pada tahun 2015 menjadi sejumlah RM89.60 juta pada tahun 2016.

#### **BAHAGIAN V - PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI**

7. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Perak Tahun 2015 telah dibentangkan pada 5 April 2017. Jawatankuasa telah bermesyuarat sebanyak tiga (3) kali pada tahun 2016 sehingga 30 Jun 2017 bagi membincangkan Laporan Ketua Audit Negara yang terkini dan memastikan syor Jawatankuasa diambil tindakan oleh Ketua Jabatan dan Agensi Negeri.



BAHAGIAN I  
PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN  
KERAJAAN NEGERI  
BAGI TAHUN BERAKHIR  
31 DISEMBER 2016



---

# BAHAGIAN I

## PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PERAK BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

---

### 1. PENDAHULUAN

**1.1.** Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan, 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan Penyata Kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh tujuh (7) bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit, 1957.

**1.2.** Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 kepada Jabatan Audit Negara pada **25 Januari 2017**. Penyata tersebut melaporkan semua urusan niaga kewangan asas tunai bagi tahun 2016 berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Penyata tersebut mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota kepada Penyata Kewangan.

**1.3.** Laporan Bendahari menerangkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri yang memberi ringkasan urusan niaga kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016.

**1.4.** Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan jumlah pegangan Wang Awam Kerajaan terdiri daripada wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubahsuai yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri, hanya Pelaburan Am yang terdiri daripada Saham dan Deposit Dalam Negeri jangka panjang dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Pelaburan lain pula dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

**1.5.** Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan penerimaan dan pembayaran bagi tahun 2016. Penerimaan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman penerimaan modal dan penerimaan lain seperti amanah dan deposit. Pembayaran pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal dan bayaran balik pinjaman.

**1.6.** Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kurangan hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana dalam Pinjaman, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

1.7. Penyata Akaun Memorandum menunjukkan kedudukan aset dan liabiliti Kerajaan Negeri. Aset Kerajaan Negeri merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan. Manakala liabiliti Kerajaan Negeri pula terdiri daripada Hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan dan Pelbagai Liabiliti.

1.8. Nota kepada Penyata Kewangan pula memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam Penyata Kewangan dan juga maklumat tambahan seperti peristiwa yang berlaku selepas tarikh penyata kedudukan kewangan dan angka perbandingan.

## 2. OBJEKTIF DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

2.1. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2.2. Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2016. Teguran Audit mengenainya telah dibangkitkan kepada Pejabat Perbendaharaan Negeri dan Jabatan/Agensi Negeri melalui surat pemerhatian Audit sebaik sahaja sesuatu pengauditan selesai dijalankan.

2.3. *Exit Conference* bersama YB Dato' Seri Setiausaha Kerajaan Negeri, YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri dan Ketua-ketua Jabatan telah diadakan pada 19 Mei 2017.

## 3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PERAK BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

3.1. Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan serta *International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) 1000. Akta dan piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam penyampaian penyata kewangan.

3.2. Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak pada tahun 2016 adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia pada bulan Disember 2011. **Pada pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan**

**Negeri Perak bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 dan rekod perakaunannya telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.** Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disertakan bersama dengan Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota kepada Penyata Kewangan adalah seperti di **Lampiran I** hingga **Lampiran VII**.





BAHAGIAN II  
ANALISIS KEWANGAN  
KERAJAAN NEGERI



## BAHAGIAN II

### ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

#### 4. LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak Tahun 2016, juga membuat analisis terhadap data kewangan bagi menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri. Analisis yang dijalankan adalah berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota kepada Penyata Kewangan.

#### 4.1. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri ini menunjukkan pegangan Wang Awam di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

#### 4.2. KUMPULAN WANG DISATUKAN

**4.2.1.** Berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, baki Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2016 adalah RM951.13 juta. Jumlah tersebut terdiri daripada aset berbentuk wang tunai sejumlah RM87.31 juta dan pelaburan sejumlah RM863.82 juta. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Negeri Perak bagi tahun 2016 berbanding tahun 2015 adalah seperti di **Jadual 4.1**.

**JADUAL 4.1**  
**KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN PADA TAHUN 2016 BERBANDING 2015**

| BIL. | BUTIRAN                                  | TAHUN         |               | PERUBAHAN    |             |
|------|------------------------------------------|---------------|---------------|--------------|-------------|
|      |                                          | 2015          | 2016          |              |             |
|      |                                          | (RM Juta)     | (RM Juta)     | (RM Juta)    | (%)         |
| 1.   | Akaun Hasil Disatukan                    | 596.06        | 598.86        | 2.80         | 0.5         |
| 2.   | Akaun Pinjaman Disatukan                 | 0.00          | 0.00          | 0.00         | 0.0         |
|      | Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada: | 356.11        | 352.27        | -3.84        | -1.1        |
|      | i) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan         | 286.57        | 257.03        | -29.54       | -10.3       |
| 3.   | ii) Kumpulan Wang Pembangunan            | -140.17       | -138.55       | 1.62         | -1.2        |
|      | iii) Kumpulan Wang Amanah Awam           | 104.84        | 95.78         | -9.06        | -8.6        |
|      | iv) Deposit                              | 104.87        | 138.01        | 33.14        | 31.6        |
|      | <b>JUMLAH</b>                            | <b>952.17</b> | <b>951.13</b> | <b>-1.04</b> | <b>-0.1</b> |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2015 dan 2016


**4.2.2.** Analisis Audit mendapati Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri telah menurun sejumlah RM1.04 juta atau 0.1% iaitu daripada RM952.17 juta pada tahun 2015 kepada RM951.13 juta pada tahun 2016. Penurunan ini disebabkan oleh penurunan Akaun Amanah Disatukan berjumlah RM3.84 juta. Trend Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tahun 2012 hingga 2016 adalah seperti di **Jadual 4.2** dan **Carta 4.1**. Kedudukan baki bagi tahun 2015 adalah yang tertinggi dalam tempoh lima (5) tahun.

**JADUAL 4.2**  
**TREND KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN BAGI TAHUN 2012 HINGGA 2016**

| BIL.          | BUTIRAN                                  | TAHUN         |               |               |               |               |
|---------------|------------------------------------------|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|
|               |                                          | 2012          | 2013          | 2014          | 2015          | 2016          |
|               |                                          | (RM Juta)     | (RM Juta)     | (RM Juta)     | (RM Juta)     | (RM Juta)     |
| 1.            | Akaun Hasil Disatukan                    | 583.31        | 586.40        | 591.98        | 596.06        | 598.86        |
| 2.            | Akaun Pinjaman Disatukan                 | 0.00          | 0.00          | 0.00          | 0.00          | 0.00          |
| 3.            | Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada: | 224.67        | 254.97        | 322.36        | 356.11        | 352.27        |
|               | i) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan         | 122.57        | 238.10        | 282.52        | 286.57        | 257.03        |
|               | ii) Kumpulan Wang Pembangunan            | -155.87       | -145.83       | -143.68       | -140.17       | -138.55       |
|               | iii) Kumpulan Wang Amanah Awam           | 181.14        | 75.60         | 84.25         | 104.84        | 95.78         |
|               | iv) Deposit                              | 76.83         | 87.10         | 99.27         | 104.87        | 138.01        |
| <b>JUMLAH</b> |                                          | <b>807.98</b> | <b>841.37</b> | <b>914.34</b> | <b>952.17</b> | <b>951.13</b> |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2012 hingga 2016

**CARTA 4.1**  
**TREND KEDUDUKAN**  
**KUMPULAN WANG DISATUKAN BAGI TAHUN 2012 HINGGA 2016**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2012 hingga 2016

### 4.3. WANG AWAM

#### 4.3.1. Pelaburan

**4.3.1.1.** Mengikut Seksyen 8(3)(b) Akta Tatacara Kewangan 1957, Kerajaan Negeri dibenarkan untuk melabur dalam deposit di bank dan pelaburan saham sekiranya mempunyai lebihan wang. Pada tahun 2016, pelaburan Kerajaan Negeri hanya terdiri daripada Pelaburan Am yang dibuat daripada surplus Kumpulan Wang Disatukan.

**4.3.1.2.** Analisis perbandingan kedudukan pelaburan bagi tahun 2016 dan 2015 menunjukkan peningkatan berjumlah RM15.50 juta atau 1.8% kepada RM863.82 juta berbanding RM848.32 juta pada tahun 2015. Pada tahun 2016, dividen yang diterima daripada pelaburan saham adalah berjumlah RM3.12 juta manakala faedah yang diterima daripada Deposit Dalam Negeri adalah sejumlah RM35.66 juta. Analisis perbandingan kedudukan pelaburan bagi tahun 2016 dan 2015 adalah seperti di **Jadual 4.3**.

**JADUAL 4.3**  
**BAKI PELABURAN PADA TAHUN 2015 DAN 2016**

| BIL.   | BUTIRAN              | TAHUN     |           | PERUBAHAN |     |
|--------|----------------------|-----------|-----------|-----------|-----|
|        |                      | 2015      | 2016      |           |     |
|        |                      | (RM Juta) | (RM Juta) | (RM Juta) | (%) |
| 1.     | Saham                | 40.52     | 40.52     | -         | -   |
| 2.     | Deposit Dalam Negeri | 807.80    | 823.30    | 15.50     | 1.9 |
| JUMLAH |                      | 848.32    | 863.82    | 15.50     | 1.8 |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri tahun 2015 dan 2016

**4.3.1.3.** Kedudukan pelaburan bagi tahun 2012 hingga 2016 menunjukkan baki pelaburan meningkat mulai tahun 2013 sehingga tahun 2016 berikutan lebihan tunai dilabur dalam Deposit Dalam Negeri. Trend baki pelaburan bagi tahun 2012 hingga 2016 adalah seperti di **Jadual 4.4** dan tahun 2016 mencatatkan baki pelaburan tertinggi dalam tempoh lima (5) tahun.

**JADUAL 4.4**  
**TREND BAKI PELABURAN BAGI TAHUN 2012 HINGGA 2016**

| BIL.   | BUTIRAN              | TAHUN     |           |           |           |           |
|--------|----------------------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|
|        |                      | 2012      | 2013      | 2014      | 2015      | 2016      |
|        |                      | (RM Juta) | (RM Juta) | (RM Juta) | (RM Juta) | (RM Juta) |
| 1.     | Saham                | 52.75     | 49.33     | 41.61     | 40.52     | 40.52     |
| 2.     | Deposit Dalam Negeri | 731.90    | 754.90    | 791.90    | 807.80    | 823.30    |
| JUMLAH |                      | 784.65    | 804.23    | 833.51    | 848.32    | 863.82    |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2012 hingga 2016

#### 4.4. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengakaun semua urusan niaga penerimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 97 dan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a), Akta Tatacara Kewangan 1957. Kerajaan Negeri telah mengakhiri tahun kewangan 2016 dengan surplus berjumlah RM2.80 juta berbanding surplus RM4.08 juta yang diperolehi pada tahun 2015. Surplus ini berpunca daripada kutipan hasil berjumlah RM1,011.50 juta melebihi perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri yang berjumlah RM1,008.70 juta. Dengan surplus ini, baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan telah meningkat menjadi RM598.86 juta pada tahun 2016.

##### 4.4.1. Hasil

**4.4.1.1.** Kerajaan Negeri memungut tiga (3) jenis hasil yang terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Pada tahun 2016, kutipan hasil sebenar meningkat sejumlah RM11.86 juta berbanding anggaran hasil berjumlah RM999.64 juta dengan pencapaian sebanyak 1.2%. Pencapaian kutipan bagi Hasil Bukan Cukai pada tahun 2016 adalah sangat baik di mana kutipan sebenar melebihi anggaran sebanyak 40.9%. Manakala kutipan bagi Hasil Cukai dan Terimaan Bukan Hasil adalah kurang daripada anggaran dengan kutipan masing-masing pada tahap 15.2% dan 5.1%. Maklumat lanjut mengenai kutipan hasil Negeri adalah seperti di **Jadual 4.5**.

**JADUAL 4.5**  
**KUTIPAN HASIL SEBENAR BERBANDING**  
**ANGGARAN KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2016**

| BIL.   | BUTIRAN HASIL        | ANGGARAN DILULUSKAN | HASIL SEBENAR | LEBIHAN/ PENGURANGAN | PENCAPAIAN |
|--------|----------------------|---------------------|---------------|----------------------|------------|
|        |                      | (RM Juta)           | (RM Juta)     | (RM Juta)            | (%)        |
| 1.     | Hasil Cukai          | 533.26              | 452.40        | -80.86               | -15.2      |
| 2.     | Hasil Bukan Cukai    | 253.63              | 357.26        | 103.63               | 40.9       |
| 3.     | Terimaan Bukan Hasil | 212.75              | 201.84        | -10.91               | -5.1       |
| JUMLAH |                      | 999.64              | 1,011.50      | 11.86                | 1.2        |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri tahun 2016

**4.4.1.2.** Pada keseluruhannya, hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2016 adalah berjumlah RM1,011.50 juta iaitu meningkat sejumlah RM54.57 juta atau 5.7% berbanding tahun 2015 yang berjumlah RM956.93 juta. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh Hasil Bukan Cukai meningkat sejumlah RM47.86 juta atau 15.5% pada tahun 2016 berbanding tahun 2015. Jumlah kutipan hasil mengikut kategori bagi tahun 2016 berbanding 2015 adalah seperti di **Jadual 4.6**.

**JADUAL 4.6**  
**KUTIPAN HASIL NEGERI PADA TAHUN 2016 BERBANDING 2015**

| BIL.          | BUTIRAN HASIL        | TAHUN         |                 | PERUBAHAN    |            |
|---------------|----------------------|---------------|-----------------|--------------|------------|
|               |                      | 2015          | 2016            |              |            |
|               |                      | (RM Juta)     | (RM Juta)       | (RM Juta)    | (%)        |
| 1.            | Hasil Cukai          | 400.01        | 452.40          | 52.39        | 13.1       |
| 2.            | Hasil Bukan Cukai    | 309.40        | 357.26          | 47.86        | 15.5       |
| 3.            | Terimaan Bukan Hasil | 247.52        | 201.84          | -45.68       | -18.5      |
| <b>JUMLAH</b> |                      | <b>956.93</b> | <b>1,011.50</b> | <b>54.57</b> | <b>5.7</b> |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri tahun 2015 dan 2016

**4.4.1.3.** Analisis Audit mendapati 90 butiran hasil mengalami peningkatan berjumlah RM155.34 juta dan 87 butiran hasil mengalami penurunan berjumlah RM100.77 juta. Lima (5) butiran hasil yang telah mencatat peningkatan dan penurunan yang ketara pada tahun 2016 berbanding tahun 2015 adalah seperti di **Jadual 4.7** dan **Jadual 4.8**.

**JADUAL 4.7**  
**PENINGKATAN HASIL YANG KETARA PADA TAHUN 2016 BERBANDING 2015**

| BIL. | BUTIRAN HASIL                     | TAHUN     |           | PENINGKATAN |       | PUNCA                                                                                                                                                                                    |
|------|-----------------------------------|-----------|-----------|-------------|-------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |                                   | 2015      | 2016      |             |       |                                                                                                                                                                                          |
|      |                                   | (RM Juta) | (RM Juta) | (RM Juta)   | (%)   |                                                                                                                                                                                          |
| 1.   | Cukai Tanah                       | 212.06    | 248.40    | 36.34       | 17.1  | Kenaikan kadar cukai tanah tahun 2016.                                                                                                                                                   |
| 2.   | Premium bagi Geran                | 102.25    | 133.22    | 30.97       | 30.3  | Pada tahun 2016, Kementerian/ Jabatan Pengguna membayar Notis 5A yang tertunggak sejumlah RM24.23 juta.                                                                                  |
| 3.   | Jualan Air                        | 5.22      | 19.65     | 14.43       | 276.4 | Kutipan caj penggunaan air laut daripada TNB Janamanjung Sdn. Bhd. berjumlah RM15 juta dan Segari Energy Ventures Sdn. Bhd. berjumlah RM4.41 juta oleh Pejabat Daerah dan Tanah Manjung. |
| 4.   | Lebih dari Penutupan Akaun Amanah | -         | 11.07     | 11.07       | 100.0 | Penutupan Akaun Amanah Hartanah Bumiputera Negeri Perak tahun 2016 selaras dengan penubuhan Lembaga Perumahan Dan Hartanah Perak.                                                        |

| BIL. | BUTIRAN HASIL          | TAHUN     |           | PENINGKATAN |      | PUNCA                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |
|------|------------------------|-----------|-----------|-------------|------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |                        | 2015      | 2016      |             |      |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |
|      |                        | (RM Juta) | (RM Juta) | (RM Juta)   | (%)  |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |
| 5.   | Lesen Tanah dan Galian | 44.54     | 55.24     | 10.70       | 24.0 | <ul style="list-style-type: none"><li>• Pemusatan Lesen Permit Pemindahan Bahan Mineral (LPBM) kepada MB Inc di mana pemantauan secara berpusat dan berstrategi oleh MB Inc dalam mengawal operasi pengeluaran bahan mineral bagi mengurangkan ketirisan hasil dan meningkatkan kutipan royalti.</li><li>• Pewujudan "Command-Centre" untuk Penguatkuasaan LPBM bertujuan memantau aktiviti pengeluaran dan pemindahan bahan mineral sama ada dalam atau luar Negeri Perak.</li><li>• Pertambahan sebanyak 138 permohonan lesen pada tahun 2016 berbanding sebanyak 114 permohonan pada tahun 2015.</li></ul> |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri tahun 2015 dan 2016

**JADUAL 4.8**  
**PENURUNAN HASIL YANG KETARA PADA TAHUN 2016 BERBANDING 2015**

| BIL. | BUTIRAN HASIL                                       | TAHUN     |           | PENURUNAN |      | PUNCA                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |
|------|-----------------------------------------------------|-----------|-----------|-----------|------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |                                                     | 2015      | 2016      |           |      |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |
|      |                                                     | (RM Juta) | (RM Juta) | (RM Juta) | (%)  |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |
| 1.   | Lain-Lain Terimaan daripada Agensi Kerajaan         | 40.87     | 18.86     | 22.01     | 53.9 | <ul style="list-style-type: none"><li>• Pada tahun 2015, berlaku pelarasan daripada Kumpulan Wang Amanah Pelaburan Negeri (55401) kepada Lain-Lain Terimaan Darpada Agensi Kerajaan (82199).</li><li>• Pada tahun 2015, sejumlah RM15 juta adalah sumbangan daripada FELCRA dan sejumlah RM5.61 juta pula adalah terimaan daripada lebihan pendapatan projek tanah Kerajaan yang diusaha oleh FELCRA.</li></ul>                                                                                                                |
| 2.   | Pemberian bagi Projek Persekutuan Yang Dilaksanakan | 43.78     | 25.49     | 18.29     | 41.8 | Pada tahun 2016, jumlah tuntutan yang dikemukakan kepada Kementerian Kewangan bagi pemberian tersebut adalah sejumlah RM33.72 juta tetapi jumlah yang diluluskan adalah sejumlah RM25.49 juta.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |
| 3.   | Bayaran Ganti Rugi Hutan                            | 13.41     | 2.86      | 10.55     | 78.7 | <ul style="list-style-type: none"><li>• Kelulusan yang diperolehi daripada Pihak Berkuasa Negeri untuk pengusahasilan hutan berkurang pada tahun 2016 berbanding tahun sebelumnya.</li><li>• Permohonan baharu tahun 2016 bagi pengusahasilan hutan dan permit penggunaan dalam kawasan Hutan Simpan Kekal dalam proses mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri.</li><li>• Kes bagi kesalahan hutan yang melibatkan tindakan kompaun dan ganti rugi kepada pelesen masih dalam proses dan siasatan lanjut.</li></ul> |

| BIL. | BUTIRAN<br>HASIL                        | TAHUN     |           | PENURUNAN |      | PUNCA                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |
|------|-----------------------------------------|-----------|-----------|-----------|------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |                                         | 2015      | 2016      |           |      |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |
|      |                                         | (RM Juta) | (RM Juta) | (RM Juta) | (%)  |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |
| 4.   | Pelbagai Perolehan yang Lain            | 8.84      | 3.33      | 5.51      | 62.3 | <ul style="list-style-type: none"><li>• Pada tahun 2016, kerajaan Negeri tidak membuat sebarang urusan jualan saham berbanding sejumlah RM5.20 juta pada tahun 2015.</li><li>• Terimaan dividen/keuntungan pelaburan melalui pengurus dana dan saham syarikat juga menurun sejumlah RM0.31 juta berbanding tahun 2015.</li></ul> |
| 5.   | Pelbagai Bayaran Perkhidmatan yang Lain | 5.30      | 0.20      | 5.10      | 96.2 | Pada tahun 2015, Pejabat Tanah dan Galian telah menerima bayaran sejumlah RM5 juta daripada Syarikat West Cost Expressway Sdn. Bhd. sebagai bayaran pelepasan tanah Kerajaan Negeri Perak bagi Projek Lebuhraya Persisiran Pantai Barat (Taiping-Banting).                                                                       |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri tahun 2015 dan 2016


**4.4.1.4.** Trend kutipan hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2012 hingga 2016 menunjukkan peningkatan pada setiap tahun dan tahun 2016 mencatatkan kutipan hasil tertinggi dalam tempoh lima (5) tahun seperti di **Jadual 4.9** dan **Carta 4.2**.

**JADUAL 4.9**  
**TREND KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2012 HINGGA 2016**

| BIL.          | BUTIRAN HASIL        | TAHUN         |               |               |               |                 |
|---------------|----------------------|---------------|---------------|---------------|---------------|-----------------|
|               |                      | 2012          | 2013          | 2014          | 2015          | 2016            |
|               |                      | (RM Juta)     | (RM Juta)     | (RM Juta)     | (RM Juta)     | (RM Juta)       |
| 1.            | Hasil Cukai          | 384.24        | 380.12        | 395.41        | 400.01        | 452.40          |
| 2.            | Hasil Bukan Cukai    | 341.11        | 326.70        | 298.07        | 309.40        | 357.26          |
| 3.            | Terimaan Bukan Hasil | 142.51        | 174.11        | 234.35        | 247.52        | 201.84          |
| <b>JUMLAH</b> |                      | <b>867.86</b> | <b>880.93</b> | <b>927.83</b> | <b>956.93</b> | <b>1,011.50</b> |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2012 hingga 2016

**CARTA 4.2**  
**TREND KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2012 HINGGA 2016**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2012 hingga 2016

**4.4.1.5.** Penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri ialah Cukai Tanah, Perolehan daripada Jualan Barang-barang, Terimaan daripada Agensi-agensi Kerajaan yang Lain, Royalti serta Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit. Kelima-lima hasil ini menyumbang sejumlah RM813.53 juta atau 80.4% daripada keseluruhan hasil dalam tahun 2016 berbanding kutipan berjumlah RM756.44 juta atau 79.0% dalam tahun 2015 seperti di **Jadual 4.10**. Manakala trend penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri bagi tempoh lima (5) tahun dari tahun 2012 hingga 2016 adalah seperti di **Jadual 4.11**.

**JADUAL 4.10**  
**PENYUMBANG UTAMA HASIL KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2015 DAN 2016**

| BIL.          | BUTIRAN HASIL                                      | TAHUN         |             |               |             |
|---------------|----------------------------------------------------|---------------|-------------|---------------|-------------|
|               |                                                    | 2015          |             | 2016          |             |
|               |                                                    | (RM Juta)     | (%)         | (RM Juta)     | (%)         |
| 1.            | Cukai Tanah                                        | 247.00        | 25.8        | 285.43        | 28.2        |
| 2.            | Perolehan daripada Jualan Barang-Barang            | 128.72        | 13.5        | 175.32        | 17.3        |
| 3.            | Terimaan daripada Agensi-Agensi Kerajaan yang Lain | 205.67        | 21.5        | 152.98        | 15.1        |
| 4.            | Royalti                                            | 120.46        | 12.6        | 133.40        | 13.2        |
| 5.            | Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit              | 54.59         | 5.7         | 66.40         | 6.6         |
| <b>JUMLAH</b> |                                                    | <b>756.44</b> | <b>79.0</b> | <b>813.53</b> | <b>80.4</b> |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri tahun 2015 dan 2016

**JADUAL 4.11**  
**PENYUMBANG UTAMA HASIL KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2012 HINGGA 2016**

| BIL.          | BUTIRAN HASIL                                      | TAHUN         |               |               |               |               |
|---------------|----------------------------------------------------|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|
|               |                                                    | 2012          | 2013          | 2014          | 2015          | 2016          |
|               |                                                    | (RM Juta)     | (RM Juta)     | (RM Juta)     | (RM Juta)     | (RM Juta)     |
| 1.            | Cukai Tanah                                        | 250.18        | 237.27        | 246.75        | 247.00        | 285.43        |
| 2.            | Perolehan daripada Jualan Barang – Barang          | 169.94        | 164.73        | 130.65        | 128.72        | 175.32        |
| 3.            | Terimaan daripada Agensi-Agensi Kerajaan Yang Lain | 131.87        | 159.34        | 198.32        | 205.67        | 152.98        |
| 4.            | Royalti                                            | 103.77        | 111.05        | 115.60        | 120.46        | 133.40        |
| 5.            | Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit              | 50.22         | 41.72         | 42.32         | 54.59         | 66.40         |
| <b>JUMLAH</b> |                                                    | <b>705.98</b> | <b>714.11</b> | <b>733.64</b> | <b>756.44</b> | <b>813.53</b> |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri tahun 2012 hingga 2016

#### 4.4.2. Perbelanjaan Mengurus

**4.4.2.1.** Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada Emolumen, Perkhidmatan Dan Bekalan, Aset, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap serta Perbelanjaan Lain. Peruntukan yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri (DUN) bagi perbelanjaan mengurus tahun 2016 adalah berjumlah RM1,048.87 juta dan sejumlah RM1,008.70 juta atau 96.2% telah dibelanjakan daripada jumlah peruntukan yang diluluskan pada tahun 2016 seperti di **Jadual 4.12**.

**JADUAL 4.12**  
**PERBELANJAAN MENGURUS SEBENAR BERBANDING**  
**PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN PADA TAHUN 2016**

| BIL.          | BUTIRAN PERBELANJAAN               | PERUNTUKAN DILULUSKAN | PERBELANJAAN SEBENAR | PERUBAHAN    | PERBELANJAAN ATAS PERUNTUKAN |
|---------------|------------------------------------|-----------------------|----------------------|--------------|------------------------------|
|               |                                    | (RM Juta)             | (RM Juta)            | (RM Juta)    | (%)                          |
| 1.            | Emolumen                           | 334.30                | 320.19               | 14.11        | 95.8                         |
| 2.            | Perkhidmatan dan Bekalan           | 250.72                | 243.27               | 7.45         | 97.0                         |
| 3.            | Aset                               | 10.75                 | 10.16                | 0.59         | 94.5                         |
| 4.            | Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | 450.47                | 433.58               | 16.89        | 96.3                         |
| 5.            | Perbelanjaan Lain                  | 2.63                  | 1.50                 | 1.13         | 57.0                         |
| <b>JUMLAH</b> |                                    | <b>1,048.87</b>       | <b>1,008.70</b>      | <b>40.17</b> | <b>96.2</b>                  |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri tahun 2016

**4.4.2.2.** Perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri pada keseluruhannya meningkat sejumlah RM55.85 juta atau 5.9% iaitu daripada RM952.85 juta pada tahun 2015 menjadi RM1,008.70 juta pada tahun 2016. Kedudukan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi tahun 2016 berbanding 2015 mengikut butiran perbelanjaan mengurus adalah seperti di **Jadual 4.13**.

**JADUAL 4.13**  
**PERBELANJAAN MENGURUS BAGI TAHUN 2015 DAN 2016**

| BIL.          | BUTIRAN PERBELANJAAN               | TAHUN         |                 | PERUBAHAN    |            |
|---------------|------------------------------------|---------------|-----------------|--------------|------------|
|               |                                    | 2015          | 2016            |              |            |
|               |                                    | (RM Juta)     | (RM Juta)       | (RM Juta)    | (%)        |
| 1.            | Emolumen                           | 298.68        | 320.19          | 21.51        | 7.2        |
| 2.            | Perkhidmatan dan Bekalan           | 244.55        | 243.27          | -1.28        | -0.5       |
| 3.            | Aset                               | 14.03         | 10.16           | -3.87        | -27.6      |
| 4.            | Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | 393.07        | 433.58          | 40.51        | 10.3       |
| 5.            | Perbelanjaan Lain                  | 2.52          | 1.50            | -1.02        | -40.5      |
| <b>JUMLAH</b> |                                    | <b>952.85</b> | <b>1,008.70</b> | <b>55.85</b> | <b>5.9</b> |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri tahun 2015 dan 2016

**4.4.2.3.** Analisis Audit mendapati beberapa butiran perbelanjaan mengurus mencatatkan peningkatan dan penurunan pada tahun 2016 berbanding perbelanjaan tahun 2015. Perbelanjaan bagi Pemberian Dalam Negeri mencatat peningkatan tertinggi pada tahun 2016 berjumlah RM43.24 juta atau 11.8% berbanding tahun 2015. Manakala perbelanjaan bagi Biasiswa, Dermasiswa dan Bantuan Pelajaran menurun sejumlah RM6.84 juta atau 86.5%. Antara perbelanjaan mengurus yang mencatatkan peningkatan dan penurunan yang ketara pada tahun 2016 berbanding 2015 adalah seperti di **Jadual 4.14** dan **Jadual 4.15**.

**JADUAL 4.14**  
**PENINGKATAN PERBELANJAAN MENGURUS**  
**YANG KETARA PADA TAHUN 2016 BERBANDING 2015**

| BIL. | MAKSUD PERBELANJAAN    | TAHUN     |           | PENINGKATAN |      | PUNCA                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |
|------|------------------------|-----------|-----------|-------------|------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |                        | 2015      | 2016      |             |      |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |
|      |                        | (RM Juta) | (RM Juta) | (RM Juta)   | (%)  |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |
| 1.   | Pemberian Dalam Negeri | 367.59    | 410.83    | 43.24       | 11.8 | Caruman peruntukan yang diluluskan kepada Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2016 meningkat sejumlah RM68.50 juta menjadi RM345.50 juta berbanding RM277 juta pada tahun 2015.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |
| 2.   | Elaun Tetap            | 65.06     | 76.87     | 11.81       | 18.2 | <ul style="list-style-type: none"> <li>Pada tahun 2016, Elaun Saraan bagi 59 Ahli Dewan Undangan Negeri meningkat sejumlah RM177,000 menjadi RM649,000 berbanding RM472,000 pada tahun 2015.</li> <li>Kenaikan Elaun Tetap Khidmat Awam selaras dengan Pelaksanaan Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Awam.</li> <li>Kenaikan Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) bagi Kumpulan Sokongan 1 dan 2, penetapan ITP terendah pada kadar RM300 sebulan dan pemberian ITP kepada pegawai yang mendiami Kuarters Kerajaan.</li> </ul> |

| BIL. | MAKSUD PERBELANJAAN                                 | TAHUN     |           | PENINGKATAN |       | PUNCA                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |
|------|-----------------------------------------------------|-----------|-----------|-------------|-------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |                                                     | 2015      | 2016      |             |       |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |
|      |                                                     | (RM Juta) | (RM Juta) | (RM Juta)   | (%)   |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |
| 3.   | Gaji dan Upahan                                     | 206.07    | 215.70    | 9.63        | 4.7   | <ul style="list-style-type: none"><li>• Pemberian faedah pemindahan gaji bersamaan 1 Kenaikan Gaji Tahunan selaras dengan Pelaksanaan Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Awam menyebabkan penjawat awam menerima pergerakan gaji tahunan sebanyak 2 kali pada tahun 2016.</li><li>• Pertukaran pelantikan bagi urusan pemindahan kelayakan masuk Sijil Politeknik/Sijil Setaraf STPM daripada skim perkhidmatan berkelayakan SPM kepada perkhidmatan berkelayakan STPM/ Diploma.</li></ul> |
| 4.   | Faedah, Dividen dan Kenaan Bayaran Hutang yang Lain | 4.83      | 10.06     | 5.23        | 108.3 | Pada tahun 2016, Kerajaan Negeri telah mengenal pasti beberapa projek bekalan air yang masih belum disenaraikan untuk pemindahan kepada Pengurusan Aset Air Berhad. Ini menyebabkan jumlah bayaran balik pinjaman dalam negeri kepada Kerajaan Persekutuan meningkat sejumlah RM5.23 juta menjadi RM10.06 juta berbanding RM4.83 juta tahun 2015.                                                                                                                                       |
| 5.   | Perhubungan dan Utiliti                             | 28.63     | 30.82     | 2.19        | 7.6   | <ul style="list-style-type: none"><li>• Peningkatan tarif elektrik telah menyebabkan bil elektrik meningkat bagi tahun 2016.</li><li>• Perkhidmatan pengeposan dan franking dikenakan GST mulai 1 Oktober 2016.</li></ul>                                                                                                                                                                                                                                                               |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri tahun 2015 dan 2016

**JADUAL 4.15**  
**PENURUNAN PERBELANJAAN MENGURUS**  
**YANG KETARA PADA TAHUN 2016 BERBANDING 2015**

| BIL. | MAKSUD PERBELANJAN                         | TAHUN     |           | PENURUNAN |      | PUNCA                                                                                                                                                                                                                                                                                    |
|------|--------------------------------------------|-----------|-----------|-----------|------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |                                            | 2015      | 2016      |           |      |                                                                                                                                                                                                                                                                                          |
|      |                                            | (RM Juta) | (RM Juta) | (RM Juta) | (%)  |                                                                                                                                                                                                                                                                                          |
| 1.   | Biasiswa, Dermasiswa dan Bantuan Pelajaran | 7.91      | 1.07      | 6.84      | 86.5 | Selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, peruntukan bagi Program Bantuan Dermasiswa dan Bantuan Pelajaran sejumlah RM7 juta telah diperuntukkan di bawah Vot Pembangunan (Pelbagai Kerja/Perolehan Pembangunan - Projek Kesejahteraan Rakyat) mulai tahun 2016.        |
| 2.   | Kenderaan dan Jentera                      | 6.63      | 3.12      | 3.51      | 52.9 | Perbelanjaan perolehan kenderaan dan jentera yang baru ( <i>one-off</i> ) bagi tahun 2016 adalah lebih rendah iaitu RM3.12 juta berbanding RM6.63 juta pada tahun 2015 kerana pihak Kerajaan dalam proses mengemas kini senarai aset sedia ada bagi tujuan persediaan perakaunan akrual. |

| BIL. | MAKSUD PERBELANJAN                                                     | TAHUN     |           | PENURUNAN |     | PUNCA                                                                                                                                                                             |
|------|------------------------------------------------------------------------|-----------|-----------|-----------|-----|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |                                                                        | 2015      | 2016      |           |     |                                                                                                                                                                                   |
|      |                                                                        | (RM Juta) | (RM Juta) | (RM Juta) | (%) |                                                                                                                                                                                   |
| 3.   | Perkhidmatan Iktisas dan Perkhidmatan Lain Yang Dibeli dan Hospitaliti | 112.65    | 111.19    | 1.46      | 1.3 | Pada tahun 2016, perbelanjaan bagi program rasmi di negeri Perak adalah lebih rendah berbanding pada tahun 2015 di mana terdapat perbelanjaan bagi Majlis Pertabalan DYMM Sultan. |
| 4.   | Bekalan Bahan Mentah dan Bahan-Bahan Untuk Penyelenggaraan             | 10.81     | 9.78      | 1.03      | 9.5 | Pengurangan penggunaan bekalan minyak serta tempoh perbelanjaan dan pembayaran pada hujung bulan Disember 2016 disingkatkan kerana tiada tempoh Akaun Kena Bayar bagi tahun 2016. |
| 5.   | Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil yang Dibeli                        | 59.59     | 58.68     | 0.91      | 1.5 | Permohonan <i>one-off</i> yang diluluskan bagi tahun 2016 adalah rendah iaitu RM4.59 juta berbanding RM4.92 juta pada tahun 2015.                                                 |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri tahun 2015 dan 2016


**4.4.2.4.** Trend perbelanjaan mengurus bagi tahun 2012 hingga 2016 menunjukkan peningkatan perbelanjaan mengurus pada setiap tahun. Trend perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi tahun 2012 hingga 2016 adalah seperti di **Jadual 4.16** dan **Carta 4.3**.

**JADUAL 4.16**  
**TREND PERBELANJAN MENGURUS**  
**KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2012 HINGGA 2016**

| BIL.   | BUTIRAN                            | TAHUN     |           |           |           |           |
|--------|------------------------------------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|
|        |                                    | 2012      | 2013      | 2014      | 2015      | 2016      |
|        |                                    | (RM Juta) | (RM Juta) | (RM Juta) | (RM Juta) | (RM Juta) |
| 1.     | Emolumen                           | 262.94    | 289.16    | 296.49    | 298.68    | 320.19    |
| 2.     | Perkhidmatan dan Bekalan           | 205.63    | 208.95    | 223.26    | 244.55    | 243.27    |
| 3.     | Aset                               | 9.47      | 11.33     | 13.91     | 14.03     | 10.16     |
| 4.     | Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | 376.34    | 365.91    | 386.71    | 393.07    | 433.58    |
| 5.     | Perbelanjaan Lain                  | 1.72      | 2.49      | 1.88      | 2.52      | 1.50      |
| JUMLAH |                                    | 856.10    | 877.84    | 922.25    | 952.85    | 1,008.70  |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2012 hingga 2016

**CARTA 4.3**  
**TREND PERBELANJAAN MENGRUS BAGI TAHUN 2012 HINGGA 2016**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

#### 4.4.3. Prestasi Kewangan Akaun Hasil Disatukan

**4.4.3.1.** Analisis terhadap prestasi kewangan Akaun Hasil Disatukan mengambil kira perbandingan antara hasil dengan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi tempoh perakaunan semasa dan tahun sebelumnya untuk mengukur surplus atau defisit Akaun Hasil Disatukan. Pada tahun 2016, Akaun Hasil Disatukan Kerajaan Negeri telah mencatatkan surplus sejumlah RM2.80 juta berbanding RM4.08 juta dalam tahun 2015 seperti di **Jadual 4.17**.

**JADUAL 4.17**  
**PRESTASI KEWANGAN AKAUN HASIL DISATUKAN PADA TAHUN 2015 DAN 2016**

| BUTIRAN                      | TAHUN         |               | PERUBAHAN   |            |
|------------------------------|---------------|---------------|-------------|------------|
|                              | 2015          | 2016          |             |            |
|                              | (RM Juta)     | (RM Juta)     | (RM Juta)   | (%)        |
| Baki Pada 1 Januari          | 591.98        | 596.06        | 4.08        | 0.7        |
| Hasil                        | 956.93        | 1,011.50      | 54.57       | 5.7        |
| Perbelanjaan Mengurus        | 952.85        | 1,008.70      | 55.85       | 5.9        |
| Surplus                      | 4.08          | 2.80          | -1.28       | -31.4      |
| <b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b> | <b>596.06</b> | <b>598.86</b> | <b>2.80</b> | <b>0.5</b> |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri tahun 2015 dan 2016

**4.4.3.2.** Trend perbandingan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi tahun 2012 hingga 2016 mendapati surplus menurun sejumlah RM1.28 juta pada tahun 2016 berbanding tahun 2015. Kedudukan surplus Kerajaan Negeri pada tahun 2012 sehingga 2016 seperti di **Jadual 4.18**.

**JADUAL 4.18**  
**KEDUDUKAN SURPLUS KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2012 HINGGA 2016**

| BIL.           | BUTIRAN               | TAHUN        |             |             |             |             |
|----------------|-----------------------|--------------|-------------|-------------|-------------|-------------|
|                |                       | 2012         | 2013        | 2014        | 2015        | 2016        |
|                |                       | (RM Juta)    | (RM Juta)   | (RM Juta)   | (RM Juta)   | (RM Juta)   |
| 1.             | Hasil                 | 867.86       | 880.93      | 927.83      | 956.93      | 1,011.50    |
| 2.             | Perbelanjaan Mengurus | 856.10       | 877.84      | 922.25      | 952.85      | 1,008.70    |
| <b>SURPLUS</b> |                       | <b>11.76</b> | <b>3.09</b> | <b>5.58</b> | <b>4.08</b> | <b>2.80</b> |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2012 hingga 2016

#### 4.4.4. Bayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)

**4.4.4.1.** Arahan Perbendaharaan (AP) 58(a) memperuntukkan bahawa bayaran terhadap bekalan/perkhidmatan yang telah diterima pada tahun sebelumnya boleh dibuat pada tahun semasa dengan syarat Jabatan mempunyai baki peruntukan yang mencukupi pada tahun di mana bekalan/perkhidmatan tersebut diterima dan tiada sebarang keraguan tentang sebab berlaku kelewatan pembayaran tersebut. Semakan Audit terhadap pembayaran di bawah AP58(a) mendapati bayaran berjumlah RM0.62 juta melibatkan 91 baucar bayaran di 20 Jabatan pada tahun 2015 meningkat kepada RM1.12 juta pada tahun 2016 melibatkan 221 baucar bayaran di 20 Jabatan. Daripada 20 Jabatan yang terlibat, 19 Jabatan menunjukkan peningkatan bayaran dan satu (1) Jabatan menunjukkan penurunan bayaran seperti di **Jadual 4.19**.

**JADUAL 4.19**  
**PEMBAYARAN DI BAWAH AP58(a) TAHUN 2016 BERBANDING 2015**

| BIL. | JABATAN                                                  | 2015                      |         | 2016                      |         | Perubahan |          |
|------|----------------------------------------------------------|---------------------------|---------|---------------------------|---------|-----------|----------|
|      |                                                          | BIL.<br>BAUCAR<br>BAYARAN | JUMLAH  | BIL.<br>BAUCAR<br>BAYARAN | JUMLAH  |           |          |
|      |                                                          |                           | (RM)    |                           | (RM)    | (RM)      | (%)      |
| 1.   | Pejabat DYMM Sultan Perak                                | -                         | -       | 8                         | 293,727 | 293,727   | 100.0    |
| 2.   | Pejabat Menteri Besar dan SUK (DUN & MMK)                | 20                        | 109,008 | 125                       | 183,217 | 74,209    | 68.1     |
| 3.   | JKR Negeri Perak                                         | -                         | -       | 3                         | 61,192  | 61,192    | 100.0    |
| 4.   | Pejabat Kewangan Negeri Perak                            | 31                        | 419,616 | 53                        | 467,622 | 48,006    | 11.4     |
| 5.   | Pejabat Menteri Besar dan SUK (Bhg. Pengurusan Maklumat) | 1                         | 250     | 4                         | 29,372  | 29,122    | 11,648.9 |
| 6.   | Pejabat Agama Islam Selama                               | -                         | -       | 5                         | 13,309  | 13,309    | 100.0    |
| 7.   | JPS Hilir Perak, Teluk Intan                             | 3                         | 26,148  | 2                         | 37,747  | 11,599    | 44.4     |
| 8.   | Pejabat Menteri Besar dan SUK (UPEN)                     | -                         | -       | 3                         | 6,129   | 6,129     | 100.0    |
| 9.   | JKR Manjung                                              | -                         | -       | 1                         | 5,124   | 5,124     | 100.0    |
| 10.  | Jabatan Agama Islam Perak                                | 1                         | 2,280   | 5                         | 4,979   | 2,699     | 118.4    |
| 11.  | Pejabat Daerah Muallim                                   | -                         | -       | 2                         | 4,223   | 4,223     | 100.0    |
| 12.  | Pejabat Agama Batu Gajah                                 | -                         | -       | 2                         | 2,808   | 2,808     | 100.0    |
| 13.  | JKR Larut, Matang & Selama, Taiping                      | -                         | -       | 1                         | 2,552   | 2,552     | 100.0    |
| 14.  | Mahkamah Syariah Negeri Perak                            | -                         | -       | 1                         | 1,350   | 1,350     | 100.0    |

| BIL.               | JABATAN                                     | 2015                      |         | 2016                      |           | Perubahan |        |
|--------------------|---------------------------------------------|---------------------------|---------|---------------------------|-----------|-----------|--------|
|                    |                                             | BIL.<br>BAUCAR<br>BAYARAN | JUMLAH  | BIL.<br>BAUCAR<br>BAYARAN | JUMLAH    |           |        |
|                    |                                             |                           | (RM)    |                           | (RM)      | (RM)      | (%)    |
| 15.                | Pejabat Pertanian Kejuruteraan Titi Gantong | -                         | -       | 1                         | 905       | 905       | 100.0  |
| 16.                | Pejabat Agama Islam Lenggong                | -                         | -       | 1                         | 718       | 718       | 100.0  |
| 17.                | JKR Woksyop Negeri Perak                    | -                         | -       | 1                         | 540       | 540       | 100.0  |
| 18.                | Pejabat Daerah Sungai Siput                 | -                         | -       | 1                         | 453       | 453       | 100.0  |
| 19.                | JKR Daerah Perak Tengah, Seri Iskandar      | -                         | -       | 1                         | 211       | 211       | 100.0  |
| 20.                | Pejabat Agama Islam Taiping                 | 1                         | 5,000   | 1                         | 466       | -4,534    | -90.7  |
| 21.                | Lain-Lain (14)                              | 34                        | 55,778  | -                         | -         | -55,778   | -100.0 |
| JUMLAH KESELURUHAN |                                             | 91                        | 618,080 | 221                       | 1,116,644 | 498,564   | 80.7   |

Sumber: Baucar Bayaran AP58(a)

**4.4.4.2.** Lima (5) Jabatan yang menunjukkan peningkatan ketara adalah Pejabat DYMM Sultan Perak, Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri (Bahagian Dewan Undangan Negeri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri), Jabatan Kerja Raya Negeri Perak, Pejabat Kewangan Negeri dan Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri (Bahagian Pengurusan Maklumat). Pembayaran AP58(a) dibuat adalah disebabkan bil dan tuntutan lewat diterima dan antara tujuan pembayaran adalah seperti di **Jadual 4.20**.

**JADUAL 4.20**  
**TUJUAN PEMBAYARAN DI BAWAH AP58(a)**

| BIL. | JABATAN/PEJABAT                                          | TUJUAN BAYARAN                                                                                                                                                                                       |
|------|----------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.   | Pejabat DYMM Sultan Perak                                | Bayaran perkhidmatan merekabentuk hiasan landskap Istana Iskandariah, Kuala Kangsar dan bayaran jamuan Majlis Hari Raya Korban, bacaan Yassin Dan Tahlil sempena Keputeraan DYMM Paduka Seri Sultan. |
| 2.   | Pejabat Menteri Besar dan SUK (DUN & MMK)                | Bayaran tuntutan Ahli Dewan Undangan Negeri dan pegawai serta bayaran penginapan sempena Persidangan DUN.                                                                                            |
| 3.   | JKR Negeri Perak                                         | Bayaran perkhidmatan persiapan Keberangkatan DYMM Yang Dipertuan Agong ke Istana Firuz.                                                                                                              |
| 4.   | Pejabat Kewangan Negeri Perak                            | Bayaran bil dan tuntutan pesara menjalani rawatan perubatan dialisis dan Institut Jantung Negara.                                                                                                    |
| 5.   | Pejabat Menteri Besar dan SUK (Bhg. Pengurusan Maklumat) | Bayaran tunggakan bil TM, bayaran balik Wang Jaminan Pelaksanaan dan bayaran bil JARING.                                                                                                             |

Sumber: Baucar Bayaran AP58(a)

## 4.5. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

**4.5.1.** Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut kehendak Seksyen 7(b), Akta Acara Kewangan 1957. Akaun ini digunakan untuk mengakaun semua pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan, bayaran balik pinjaman dan pindahan penerimaan pinjaman ke Akaun Kumpulan Wang Pembangunan atau Akaun Hasil Disatukan.

**4.5.2.** Pada tahun 2016, Kerajaan Negeri tidak menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Kedudukan Akaun Pinjaman Disatukan pada tahun 2015 dan 2016 adalah seperti di **Jadual 4.21**.

**JADUAL 4.21**  
**KEDUDUKAN AKAUN PINJAMAN DISATUKAN BAGI TAHUN 2015 DAN 2016**

| BUTIRAN                      | TAHUN       |             | PERUBAHAN   |            |
|------------------------------|-------------|-------------|-------------|------------|
|                              | 2015        | 2016        |             |            |
|                              | (RM Juta)   | (RM Juta)   | (RM Juta)   | (%)        |
| Baki Pada 1 Januari          | 0.00        | 0.00        | 0.00        | 0.0        |
| Terimaan                     | 53.27       | 0.00        | -53.27      | -100.0     |
| Pindahan                     | 53.27       | 0.00        | -53.27      | -100.0     |
| <b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b> | <b>0.00</b> | <b>0.00</b> | <b>0.00</b> | <b>0.0</b> |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri tahun 2015 dan 2016

#### **4.6. AKAUN AMANAH DISATUKAN**

Akaun Amanah Disatukan adalah sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan yang diwujudkan di bawah Seksyen 7(c), Akta Acara Kewangan 1957 dan terbahagi kepada tiga (3) kumpulan wang iaitu Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Deposit. Akaun ini menguruskan semua wang yang diterima tertakluk kepada arahan amanah mengikut terma-terma amanah tersebut. Pada akhir tahun 2016, Akaun Amanah Disatukan berbaki RM352.27 juta berbanding sejumlah RM356.11 juta pada tahun 2015 iaitu penurunan sejumlah RM3.84 juta atau 1.1%. Baki Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2016 berbanding tahun 2015 adalah seperti di **Jadual 4.22**.

**JADUAL 4.22**  
**BAKI AKAUN AMANAH DISATUKAN PADA TAHUN 2016 BERBANDING 2015**

| BIL.          | BUTIRAN                                         | BIL. AKAUN | TAHUN         |               | PERUBAHAN    |             |
|---------------|-------------------------------------------------|------------|---------------|---------------|--------------|-------------|
|               |                                                 |            | 2015          | 2016          |              |             |
|               |                                                 |            | (RM Juta)     | (RM Juta)     | (RM Juta)    | (%)         |
| 1.            | Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada: | 11         | 146.40        | 118.48        | -27.92       | -19.1       |
|               | i) Kumpulan Wang Pembangunan                    | 1          | -140.17       | -138.55       | 1.62         | -1.2        |
|               | ii) Pelbagai Kumpulan Wang Amanah               | 10         | 286.57        | 257.03        | -29.54       | -10.3       |
| 2.            | Amanah Awam                                     | 50         | 104.84        | 95.78         | -9.06        | -8.6        |
| 3.            | Deposit                                         | 98         | 104.87        | 138.01        | 33.14        | 31.6        |
| <b>JUMLAH</b> |                                                 | <b>159</b> | <b>356.11</b> | <b>352.27</b> | <b>-3.84</b> | <b>-1.1</b> |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri tahun 2015 dan 2016

#### 4.6.1. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan di bawah peruntukan Seksyen 10, Akta Acara Kewangan 1957 untuk maksud tertentu. Kumpulan Wang ini adalah kumpulan wang pusingan yang mana perbelanjaannya tidak boleh melebihi had peruntukan yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri.

##### 4.6.1.1. Kumpulan Wang Pembangunan

Kumpulan Wang Pembangunan ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 (Akta 406) dan diperakaunkan dalam Akaun Amanah Disatukan. Sumber kewangan bagi kumpulan wang ini terdiri daripada caruman dari Akaun Hasil Disatukan, terimaan pemberian daripada Kerajaan Persekutuan dan terimaan daripada Akaun Pinjaman. Kumpulan Wang Pembangunan ini hanya boleh dibelanjakan bagi maksud yang ditentukan oleh Akta tersebut. Penerimaan kumpulan wang ini bagi tahun 2016 berjumlah RM371.92 juta adalah terdiri daripada caruman Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM345.50 juta, pemberian berdasarkan tahap pembangunan ekonomi, infrastruktur dan kesejahteraan hidup berjumlah RM21.08 juta dan pelbagai terimaan berjumlah RM5.34 juta, manakala perbelanjaan pembangunan adalah berjumlah RM370.30 juta. Baki defisit Kumpulan Wang Pembangunan pada akhir tahun 2016 berjumlah RM138.55 juta. Kedudukan ini adalah lebih baik berbanding baki defisit berjumlah RM140.17 juta pada tahun 2015. Baki Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2016 berbanding 2015 adalah seperti di **Jadual 4.23**.

**JADUAL 4.23**  
**BAKI KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN PADA TAHUN 2016 BERBANDING 2015**

| BUTIRAN                      | TAHUN          |                | PERUBAHAN   |             |
|------------------------------|----------------|----------------|-------------|-------------|
|                              | 2015           | 2016           |             |             |
|                              | (RM Juta)      | (RM Juta)      | (RM Juta)   | (%)         |
| Baki Pada 1 Januari          | -143.68        | -140.17        | 3.51        | -2.4        |
| Penerimaan                   | 316.76         | 371.92         | 55.16       | 17.4        |
| Perbelanjaan                 | 313.25         | 370.30         | 57.05       | 18.2        |
| Surplus                      | 3.51           | 1.62           | -1.89       | -53.8       |
| <b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b> | <b>-140.17</b> | <b>-138.55</b> | <b>1.62</b> | <b>-1.2</b> |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri tahun 2015 dan 2016

##### 4.6.1.2. Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri Perak

Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri Perak diwujudkan mengikut Seksyen 9, Akta Acara Kewangan 1957 dan telah dipinda penubuhannya daripada Seksyen 9, Akta Acara Kewangan 1957 kepada Seksyen 10 akta yang sama mulai 1 Julai 2013. Pada tahun 2016, Kerajaan Negeri telah menerima pemberian penyelenggaraan jalan raya sejumlah RM461.04 juta bagi menyenggara jalan sepanjang 31,415.08 km daripada

Kerajaan Persekutuan dan termasuk pelbagai terimaan. Terimaan ini menunjukkan penambahan sejumlah RM28.72 juta atau 6.6% berbanding sejumlah RM432.32 juta pada tahun 2015. Sejumlah RM460.25 juta atau 99.8% daripada terimaan tersebut telah dibelanjakan pada tahun 2016. Perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Raya pula adalah termasuk perbelanjaan pentadbiran sejumlah RM7.97 juta iaitu 1.7% berbanding perbelanjaan sebenar. Ini menjadikan baki Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Raya pada akhir tahun 2016 berjumlah RM204.42 juta. Jumlah penerimaan, perbelanjaan dan baki akaun Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Raya bagi tahun 2012 hingga 2016 adalah seperti di **Jadual 4.24**.

**JADUAL 4.24**  
**JUMLAH PENERIMAAN, PERBELANJAAN DAN BAKI AKAUN**  
**KUMPULAN WANG PENYELENGGARAAN JALAN RAYA BAGI TAHUN 2012 HINGGA 2016**

| TAHUN | BAKI PADA<br>1 JANUARI | TERIMAAN<br>DARIPADA KERAJAAN<br>PERSEKUTUAN | PERBELANJAAN<br>SEMASA | BAKI PADA<br>31 DISEMBER | PENGUNAAN |
|-------|------------------------|----------------------------------------------|------------------------|--------------------------|-----------|
|       | (RM Juta)              | (RM Juta)                                    | (RM Juta)              | (RM Juta)                | (%)       |
| 2012  | 43.75                  | 219.46                                       | 185.66                 | 77.55                    | 84.6      |
| 2013  | 77.55                  | 306.54                                       | 250.53                 | 133.56                   | 81.7      |
| 2014  | 133.56                 | 338.26                                       | 298.54                 | 173.28                   | 88.3      |
| 2015  | 173.28                 | 432.32                                       | 401.97                 | 203.63                   | 93.0      |
| 2016  | 203.63                 | 461.04                                       | 460.25                 | 204.42                   | 99.8      |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2012 hingga 2016

#### **4.6.2. Kumpulan Wang Amanah Awam**

Kumpulan Wang Amanah Awam ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Acara Kewangan 1957 iaitu terdiri daripada Kumpulan Wang Khas yang dipegang oleh Kerajaan Negeri dan wang amanah yang diterima bagi maksud tertentu. Pengurusan akaun amanah ini perlu dibuat mengikut arahan amanah yang diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri. Pada tahun 2016, baki Kumpulan Wang Amanah Awam menurun sejumlah RM9.06 juta atau 8.6% kepada RM95.78 juta berbanding RM104.84 juta tahun 2015.

**4.6.2.1.** Sebanyak 50 Akaun Amanah adalah terdiri daripada 48 Akaun Amanah yang masih aktif dan dua (2) Akaun Amanah telah ditutup. Akaun Amanah berkenaan adalah Akaun Amanah Hartanah Bumiputera Negeri Perak dan Akaun Amanah Pembangunan Rakyat Miskin Daerah Kerian masing-masing berjumlah RM2.93 juta dan RM58,336 telah ditutup pada tahun 2016 dan baki Akaun Amanah tersebut telah dipindah ke Akaun Hasil Disatukan.

**4.6.2.2.** Tujuh (7) akaun amanah baru diwujudkan pada tahun 2016 iaitu Akaun Amanah Pengurusan BRIM, Akaun Amanah Program Rimbunan Kaseh,

Akaun Amanah Pengurusan Daerah, Akaun Amanah Pengurusan Masjid, Akaun Amanah Sukan Malaysia (SUKMA), Akaun Amanah Kajian dan Akaun Amanah Bayaran Wang Pampasan Pengambilan Tanah Untuk Pembinaan Jalan. Maklumat tujuh (7) akaun amanah tersebut adalah seperti **Jadual 4.25**.

**JADUAL 4.25**  
**AKAUN AMANAH YANG BARU DIWUJUDKAN PADA TAHUN 2016**

| BIL.          | AKAUN AMANAH                                                             | PEGAWAI PENGAWAL                              | PERUNTUKAN 2016 | OBJEKTIF PENUBUHAN                                                                                                                                                                                |
|---------------|--------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------|-----------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|               |                                                                          |                                               | (RM Juta)       |                                                                                                                                                                                                   |
| 1.            | Akaun Amanah Pengurusan BRIM                                             | YB Setiausaha Kerajaan Negeri                 | 0.19            | Memperakaunkan segala terimaan peruntukan dan pembiayaan yang berkaitan dengan BRIM.                                                                                                              |
| 2.            | Akaun Amanah Program Rimbunan Kaseh                                      | Pegawai Daerah Perak Tengah                   | -               | Memperakaunkan semua terimaan sumbangan dan perbelanjaan bagi penyelenggaraan dan membiayai segala urusan yang berkaitan dengan Program Rimbunan Kaseh, Kampung Gajah, Daerah Perak Tengah.       |
| 3.            | Akaun Amanah Pengurusan Daerah                                           | Pegawai Daerah Bagan Datuk                    | 1.00            | Memperakaunkan semua terimaan dan perbelanjaan berkaitan Pejabat Daerah dan Tanah Bagan Datuk yang merupakan daerah baru diwartakan pada 15 Jun 2016.                                             |
| 4.            | Akaun Amanah Pengurusan Masjid                                           | Pegawai Daerah Pejabat Daerah dan Tanah Kinta | 0.10            | Memperakaunkan semua terimaan dan perbelanjaan berkaitan pengurusan Masjid Toh Puan Besar Hatijah, Batu Gajah.                                                                                    |
| 5.            | Akaun Amanah Sukan Malaysia (SUKMA)                                      | YB Setiausaha Kerajaan Negeri                 | 3.00            | Memperakaunkan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dan perbelanjaan pembinaan kemudahan sukan dan pengurusan penganjuran Temasya Sukan Malaysia (SUKMA) di Negeri Perak. |
| 6.            | Akaun Amanah Kajian                                                      | YB Setiausaha Kerajaan Negeri                 | 1.94            | Memperakaunkan semua terimaan dan perbelanjaan berkaitan kajian fizikal dan bukan fizikal yang dilaksanakan di Negeri Perak.                                                                      |
| 7.            | Akaun Amanah Bayaran Wang Pampasan Pengambilan Tanah Untuk Pembinaan Jln | YB Setiausaha Kerajaan Negeri                 | 3.00            | Memperakaunkan segala bayaran pampasan kepada pemilik tanah atau waris yang terlibat dengan pengambilan tanah untuk pembangunan jalan.                                                            |
| <b>JUMLAH</b> |                                                                          |                                               | <b>9.23</b>     |                                                                                                                                                                                                   |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri tahun 2016

#### 4.7. PENYATA PRESTASI KEWANGAN

**4.7.1.** Bagi tahun 2016, sumber dana Kerajaan Negeri berjumlah RM1,011.50 juta terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Manakala penggunaan dana bagi membiayai perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan adalah berjumlah RM1,033.50 juta. Keadaan ini menyebabkan Kerajaan Negeri mengalami defisit berjumlah RM22 juta bagi membiayai perbelanjaannya. Bagaimanapun defisit tersebut ditampung dengan terimaan balik pinjaman dan pelbagai terimaan serta perubahan tunai, pelaburan dan amanah. Butiran penyata prestasi kewangan adalah seperti di **Jadual 4.26**.

**JADUAL 4.26**  
**PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN 2015 DAN 2016**

| BUTIRAN                                       | TAHUN         |                 | PERUBAHAN     |              |
|-----------------------------------------------|---------------|-----------------|---------------|--------------|
|                                               | 2015          | 2016            |               |              |
|                                               | (RM Juta)     | (RM Juta)       | (RM Juta)     | (%)          |
| <b>Hasil:</b>                                 |               |                 |               |              |
| Hasil Cukai                                   | 400.01        | 452.40          | 52.39         | 13.1         |
| Hasil Bukan Cukai                             | 309.40        | 357.26          | 47.86         | 15.5         |
| Teriman Bukan Hasil                           | 247.52        | 201.84          | -45.68        | -18.5        |
| <b>Jumlah Hasil</b>                           | <b>956.93</b> | <b>1,011.50</b> | <b>54.57</b>  | <b>5.7</b>   |
| <b>Perbelanjaan:</b>                          |               |                 |               |              |
| Perbelanjaan Mengurus (Sebelum Pindahan)      | 675.85        | 663.20          | -12.65        | -1.9         |
| Perbelanjaan Pembangunan                      | 313.25        | 370.30          | 57.05         | 18.2         |
| <b>Jumlah Perbelanjaan</b>                    | <b>989.10</b> | <b>1,033.50</b> | <b>44.40</b>  | <b>4.5</b>   |
| <b>Surplus/Defisit</b>                        | <b>-32.17</b> | <b>-22.00</b>   | <b>10.17</b>  | <b>-31.6</b> |
| <b>Kurangan Dibiayai Oleh:</b>                |               |                 |               |              |
| Pinjaman                                      | 0.00          | 0.00            | 0.00          | 0.0          |
| Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan | 39.76         | 26.42           | -13.34        | -33.6        |
| Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah         | -7.59         | -4.42           | 3.17          | -41.8        |
| <b>JUMLAH PEMBIAYAAN</b>                      | <b>32.17</b>  | <b>22.00</b>    | <b>-10.17</b> | <b>-31.6</b> |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri tahun 2015 dan 2016

#### 4.8. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum menunjukkan baki aset dan tanggungan Kerajaan yang boleh dilupuskan atau boleh dilunaskan pada masa akan datang yang tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Penyata ini terdiri daripada Penyata Akaun Memorandum Aset dan Penyata Akaun Memorandum Liabiliti. Penyata Akaun Memorandum Aset menunjukkan kedudukan pinjaman boleh dituntut dan pelaburan. Manakala Penyata Akaun Memorandum Liabiliti menunjukkan hutang awam Kerajaan Negeri.

##### 4.8.1. Pinjaman Boleh Dituntut

**4.8.1.1.** Pinjaman Boleh Dituntut merupakan pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Agensi Negeri dengan menggunakan sumber Kerajaan Negeri atau pinjaman yang diperoleh daripada Kerajaan Persekutuan.

**4.8.1.2.** Analisis Audit mendapati baki Pinjaman Boleh Dituntut pada akhir tahun 2016 telah menurun sejumlah RM237.93 juta atau 39.5% iaitu daripada RM602.98 juta pada tahun 2015 kepada RM365.05 juta pada tahun 2016. Penurunan ini disebabkan sejumlah RM223.10 juta bagi 18 Projek Bekalan Air Negeri Perak diambil alih oleh Pengurusan Aset Air Berhad.

**4.8.1.3.** Analisis perbandingan baki Pinjaman Boleh Dituntut menunjukkan peningkatan baki Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2013 hingga 2015. Pada

tahun 2016, baki pinjaman boleh dituntut telah menurun sejumlah RM237.93 juta kepada RM365.05 juta berbanding sejumlah RM602.98 juta pada tahun 2015. Baki Pinjaman Boleh Dituntut daripada Agensi Negeri bagi tahun 2012 hingga 2016 adalah seperti di **Jadual 4.27**.

**JADUAL 4.27**  
**BAKI PINJAMAN BOLEH DITUNTUT**  
**DARIPADA AGENSI NEGERI BAGI TAHUN 2012 HINGGA 2016**

| BIL                                                                        | AGENSI NEGERI                                            | BAKI PINJAMAN BOLEH DITUNTUT |           |           |           |           |
|----------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------|------------------------------|-----------|-----------|-----------|-----------|
|                                                                            |                                                          | 2012                         | 2013      | 2014      | 2015      | 2016      |
|                                                                            |                                                          | (RM Juta)                    | (RM Juta) | (RM Juta) | (RM Juta) | (RM Juta) |
| Pihak Berkuasa Tempatan                                                    |                                                          |                              |           |           |           |           |
| 1.                                                                         | Majlis Bandaraya Ipoh                                    | 11.14                        | 16.39     | 22.30     | 34.61     | 39.97     |
| 2.                                                                         | Majlis Daerah Perak Tengah                               | 6.14                         | 7.20      | 7.14      | 6.77      | 6.39      |
| 3.                                                                         | Majlis Perbandaran Teluk Intan                           | 4.31                         | 3.38      | 2.42      | 2.11      | 1.79      |
| 4.                                                                         | Majlis Perbandaran Kuala Kangsar                         | 2.83                         | 3.12      | 2.57      | 2.57      | 1.93      |
| 5.                                                                         | Majlis Perbandaran Taiping                               | 2.00                         | 2.19      | 2.01      | 1.82      | 1.62      |
| 6.                                                                         | Majlis Daerah Tanjong Malim                              | 2.14                         | 2.05      | 1.74      | 1.42      | 2.08      |
| 7.                                                                         | Majlis Daerah Batu Gajah                                 | 2.33                         | 1.90      | 1.45      | 0.99      | 0.50      |
| 8.                                                                         | Majlis Daerah Pengkalan Hulu                             | 0.87                         | 0.95      | 0.90      | 0.84      | 0.79      |
| 9.                                                                         | Majlis Daerah Kampar                                     | 0.68                         | 0.00      | 0.00      | 0.00      | 0.00      |
| 10.                                                                        | Majlis Perbandaran Manjung                               | 0.00                         | 0.00      | 0.00      | 0.00      | 0.18      |
| JUMLAH                                                                     |                                                          | 32.44                        | 37.18     | 40.53     | 51.13     | 55.25     |
| Badan Berkanun Negeri dan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak (MAIPk) |                                                          |                              |           |           |           |           |
| 1.                                                                         | Lembaga Air Perak                                        | 248.52                       | 391.03    | 458.85    | 498.00    | 261.38    |
| 2.                                                                         | Yayasan Perak                                            | 20.73                        | 19.53     | 19.32     | 19.11     | 18.64     |
| 3.                                                                         | Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak                 | 4.50                         | 18.26     | 21.86     | 21.19     | 19.71     |
| 4.                                                                         | Universiti Sultan Azlan Shah (Kolej Islam Darul Ridzuan) | 15.00                        | 15.00     | 12.00     | 9.00      | 6.00      |
| 5.                                                                         | Perbadanan Kemajuan Negeri Perak                         | 5.60                         | 5.42      | 2.71      | 0.00      | 0.00      |
| 6.                                                                         | Yayasan Bina Upaya Darul Ridzuan                         | 1.00                         | 1.00      | 5.03      | 4.55      | 4.07      |
| 7.                                                                         | Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Negeri Perak           | 13.73                        | 0.00      | 0.00      | 0.00      | 0.00      |
| 8.                                                                         | Menteri Besar Incorporated                               | 0.50                         | 0.00      | 0.00      | 0.00      | 0.00      |
| JUMLAH                                                                     |                                                          | 309.58                       | 450.24    | 519.77    | 551.85    | 309.80    |
| JUMLAH KESELURUHAN                                                         |                                                          | 342.02                       | 487.42    | 560.30    | 602.98    | 365.05    |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2012 hingga 2016

**4.8.1.4.** Pada tahun 2016, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Badan Berkanun Negeri (BBN) dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) sepatutnya membayar ansuran pinjaman Kerajaan Negeri berjumlah RM33.96 juta yang terdiri daripada bayaran anuiti tahun semasa sejumlah

RM22.77 juta dan tunggakan tahun 2015 berjumlah RM11.19 juta. Bagaimanapun, PBT, BBN dan MAIPk hanya menjelaskan sejumlah RM18.39 juta sahaja pada tahun 2016.

**4.8.1.5.** Kedudukan tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2016 mencatatkan peningkatan sejumlah RM4.38 juta atau 39.1% menjadi RM15.57 juta. Peningkatan ini disebabkan Majlis Perbandaran Kuala Kangsar dan Yayasan Perak menjelaskan sejumlah RM0.72 juta dan RM0.50 juta tunggakan bayaran balik pinjaman masing-masing. Pada tahun 2016, bayaran balik pinjaman yang telah dijelaskan adalah sejumlah RM18.39 juta. Kedudukan tunggakan bayaran balik pinjaman Agensi Negeri pada tahun 2016 adalah seperti di **Jadual 4.28**.

**JADUAL 4.28**  
**KEDUDUKAN TUNGGAKAN**  
**BAYARAN BALIK PINJAMAN AGENSI NEGERI PADA TAHUN 2016**

| DAFTARAN BAIK TUNGGAHAN AGENSI NEGERI PADA TAHUN 2016                      |                                          |                            |                |                                             |                                             |                                  |
|----------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------|----------------------------|----------------|---------------------------------------------|---------------------------------------------|----------------------------------|
| BIL.                                                                       | AGENSI NEGERI                            | TUNGGAKAN<br>PADA 1.1.2016 | ANUITI<br>2016 | JUMLAH<br>PATUT<br>DIJELASKAN<br>TAHUN 2016 | JUMLAH<br>TELAH<br>DIJELASKAN<br>TAHUN 2016 | TUNGGAKAN<br>AKHIR<br>TAHUN 2016 |
|                                                                            |                                          | (RM Juta)                  | (RM Juta)      | (RM Juta)                                   | (RM Juta)                                   | (RM Juta)                        |
| Pihak Berkuasa Tempatan                                                    |                                          |                            |                |                                             |                                             |                                  |
| 1.                                                                         | Majlis Daerah Perak Tengah               | 0.00                       | 0.60           | 0.60                                        | 0.60                                        | 0.00                             |
| 2.                                                                         | Majlis Daerah Batu Gajah                 | 0.00                       | 0.52           | 0.52                                        | 0.52                                        | 0.00                             |
| 3.                                                                         | Majlis Daerah Tanjong Malim              | 0.33                       | 0.39           | 0.72                                        | 0.38                                        | 0.34                             |
| 4.                                                                         | Majlis Perbandaran Taiping               | 0.00                       | 0.27           | 0.27                                        | 0.27                                        | 0.00                             |
| 5.                                                                         | Majlis Perbandaran Teluk Intan           | 0.00                       | 0.40           | 0.40                                        | 0.40                                        | 0.00                             |
| 6.                                                                         | Majlis Perbandaran Kuala Kangsar         | 1.33                       | 0.35           | 1.68                                        | 0.72                                        | 0.96                             |
| 7.                                                                         | Majlis Daerah Pengkalan Hulu             | 0.00                       | 0.09           | 0.09                                        | 0.09                                        | 0.00                             |
| 8.                                                                         | Majlis Bandaraya Ipoh                    | 0.00                       | 1.69           | 1.69                                        | 1.69                                        | 0.00                             |
| JUMLAH                                                                     |                                          | 1.66                       | 4.31           | 5.97                                        | 4.67                                        | 1.30                             |
| Badan Berkanun Negeri dan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak (MAIPk) |                                          |                            |                |                                             |                                             |                                  |
| 1.                                                                         | Yayasan Perak                            | 9.00                       | 5.24           | 14.24                                       | 0.50                                        | 13.74                            |
| 2.                                                                         | Yayasan Bina Upaya Darul Ridzuan         | 0.53                       | 0.53           | 1.06                                        | 0.53                                        | 0.53                             |
| 3.                                                                         | Lembaga Air Perak                        | 0.00                       | 7.38           | 7.38                                        | 7.38                                        | 0.00                             |
| 4.                                                                         | Universiti Sultan Azlan Shah             | 0.00                       | 3.00           | 3.00                                        | 3.00                                        | 0.00                             |
| 5.                                                                         | Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak | 0.00                       | 2.31           | 2.31                                        | 2.31                                        | 0.00                             |
| JUMLAH                                                                     |                                          | 9.53                       | 18.46          | 27.99                                       | 13.72                                       | 14.27                            |
| JUMLAH KESELURUHAN                                                         |                                          | 11.19                      | 22.77          | 33.96                                       | 18.39                                       | 15.57                            |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri tahun 2016

**4.8.1.6.** Analisis perbandingan tunggakan bayaran balik pinjaman boleh dituntut meningkat pada tahun 2013. Bagaimanapun tunggakan bayaran balik

Pinjaman Boleh Dituntut menunjukkan penurunan pada tahun 2014 dan kembali meningkat pada tahun 2015 hingga tahun 2016. Ini disebabkan bayaran balik tunggakan yang dijelaskan adalah sebahagian daripada jumlah keseluruhan tunggakan yang perlu dijelaskan.

**4.8.1.7.** Bayaran balik tunggakan yang dijelaskan oleh Yayasan Perak bagi Pinjaman Membiayai Projek Perladangan Kelapa Sawit di Ladang Sungai Pandan, Daerah Bintulu, Sarawak adalah sejumlah RM263,811 sahaja berbanding jumlah keseluruhan tunggakan yang perlu dijelaskan iaitu RM9 juta bagi tahun sebelumnya. Jumlah tunggakan Yayasan Perak bagi tahun 2016 adalah berjumlah RM13.74 juta.

**4.8.1.8.** Bayaran balik tunggakan yang sepatutnya dijelaskan oleh Majlis Perbandaran Kuala Kangsar adalah berjumlah RM1.33 juta tetapi hanya sejumlah RM0.72 juta dijelaskan. Manakala bagi Pinjaman Membiayai Belanja Pengurusan Majlis Perbandaran Kuala Kangsar berjumlah RM22,886 dijelaskan berbanding jumlah sebenar tunggakan iaitu RM0.63 juta pada tahun 2015. Tunggakan bayaran balik pinjaman Agensi Negeri bagi tahun 2012 hingga 2016 adalah seperti di **Jadual 4.29**.

**JADUAL 4.29**  
**TUNGGAKAN BAYARAN BALIK**  
**PINJAMAN AGENSI NEGERI BAGI TAHUN 2012 HINGGA 2016**

| BIL.                    | AGENSI NEGERI                    | TAHUN     |           |           |           |           |
|-------------------------|----------------------------------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|
|                         |                                  | 2012      | 2013      | 2014      | 2015      | 2016      |
|                         |                                  | (RM Juta) | (RM Juta) | (RM Juta) | (RM Juta) | (RM Juta) |
| Pihak Berkuasa Tempatan |                                  |           |           |           |           |           |
| 1.                      | Majlis Daerah Tanjong Malim      | 0.00      | 0.39      | 0.39      | 0.33      | 0.34      |
| 2.                      | Majlis Perbandaran Kuala Kangsar | 0.00      | 0.00      | 0.35      | 1.33      | 0.96      |
| Badan Berkanun Negeri   |                                  |           |           |           |           |           |
| 1.                      | Yayasan Perak                    | 1.00      | 2.00      | 4.00      | 9.00      | 13.74     |
| 2.                      | Perbadanan Kemajuan Negeri Perak | 6.57      | 6.09      | 3.08      | 0.00      | 0.00      |
| 3.                      | Lembaga Air Perak                | 0.00      | 4.40      | 0.00      | 0.00      | 0.00      |
| 4.                      | Yayasan Bina Upaya Darul Ridzuan | 0.00      | 0.00      | 0.53      | 0.53      | 0.53      |
| JUMLAH                  |                                  | 7.57      | 12.88     | 8.35      | 11.19     | 15.57     |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2012 hingga 2016

#### **4.8.2. Hutang Awam**

Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa ada menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunannya. Pada tahun 2016, baki hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan menurun sejumlah RM268.49 juta atau 44.3% menjadi RM338.25 juta berbanding RM606.74 juta pada

tahun 2015. Penurunan ini disebabkan oleh pengambilalihan hutang awam oleh Pengurusan Aset Air Berhad terhadap 18 Projek Bekalan Air Negeri Perak berjumlah RM258.81 juta. Kedudukan Hutang Awam Kerajaan Negeri pada tahun 2016 berbanding tahun 2015 adalah seperti di **Jadual 4.30**.

**JADUAL 4.30**  
**KEDUDUKAN HUTANG AWAM**  
**KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2016 BERBANDING 2015**

| BIL.          | BUTIRAN                          | BAKI PINJAMAN |               | PERUBAHAN      |              |
|---------------|----------------------------------|---------------|---------------|----------------|--------------|
|               |                                  | 2015          | 2016          |                |              |
|               |                                  | (RM Juta)     | (RM Juta)     | (RM Juta)      | (%)          |
| 1.            | Rancangan Perumahan Awam         | 41.95         | 39.85         | -2.10          | -5.0         |
| 2.            | Rancangan Pembangunan Perusahaan | 0.59          | 0.67          | 0.08           | 13.6         |
| 3.            | Pelbagai Projek                  | 14.94         | 12.94         | -2.00          | -13.4        |
| 4.            | Projek Bekalan Air               | 549.26        | 284.79        | -264.47        | -48.2        |
| <b>JUMLAH</b> |                                  | <b>606.74</b> | <b>338.25</b> | <b>-268.49</b> | <b>-44.3</b> |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri tahun 2015 dan 2016


**4.8.2.1.** Analisis Audit terhadap baki hutang awam bagi tahun 2012 hingga 2016 telah menunjukkan peningkatan dari tahun 2013 hingga 2015 disebabkan Kerajaan Negeri menerima pinjaman baru Projek Bekalan Air. Bagaimanapun, pada tahun 2016 baki hutang awam telah menurun kepada RM338.25 juta berikutan pengambilalihan hutang awam oleh Pengurusan Aset Air Berhad. Trend baki hutang awam bagi tahun 2012 hingga 2016 adalah seperti di **Jadual 4.31** dan **Carta 4.4**.

**JADUAL 4.31**  
**TREND HUTANG AWAM KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2012 HINGGA 2016**

| BIL.          | BUTIRAN                                 | TAHUN         |               |               |               |               |
|---------------|-----------------------------------------|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|
|               |                                         | 2012          | 2013          | 2014          | 2015          | 2016          |
|               |                                         | (RM Juta)     | (RM Juta)     | (RM Juta)     | (RM Juta)     | (RM Juta)     |
| 1.            | Rancangan Perumahan Awam                | 48.25         | 46.15         | 44.05         | 41.95         | 39.85         |
| 2.            | Rancangan Pembangunan Perusahaan        | 2.55          | 1.77          | 1.28          | 0.59          | 0.67          |
| 3.            | Rancangan Pembinaan Kedai dan Lain-lain | 20.94         | 18.94         | 16.94         | 14.94         | 12.94         |
| 4.            | Projek Bekalan Air                      | 267.49        | 412.73        | 495.99        | 549.26        | 284.79        |
| <b>JUMLAH</b> |                                         | <b>339.23</b> | <b>479.59</b> | <b>558.26</b> | <b>606.74</b> | <b>338.25</b> |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2012 hingga 2016

**CARTA 4.4**  
**TREND HUTANG AWAM KERAJAAN NEGERI PERAK BAGI TAHUN 2012 HINGGA 2016**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri tahun bagi tahun 2012 hingga 2016

**4.8.2.2.** Bagi tempoh tahun 2012 hingga 2016, Kerajaan Negeri tidak mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan. Ini kerana Kerajaan Negeri telah menjelaskan hutang awam termasuk faedah sejumlah RM10.06 juta mengikut jadual yang ditetapkan dalam tahun 2016.

#### **4.8.3. Pelaburan**

**4.8.3.1.** Pada tahun 2016, Kerajaan Negeri mengekalkan pelaburan melalui pengurus dana pelaburan iaitu Asian Islamic Investment Management Sdn. Bhd., Maybank Islamic Asset Management Sdn. Bhd., RHB Islamic International Asset Management Sdn. Bhd. dan CIMB-Principal Islamic Asset Management Sdn. Bhd. berjumlah RM65 juta.

**4.8.3.2.** Kerajaan Negeri telah menerima dua (2) tawaran Skim Pelaburan Semula atau *Direct Reinvestment Scheme* (DRS) bagi saham Axiata Group Berhad masing-masing sebanyak 170,331 unit bernilai RM829,512 dan 73,020 unit bernilai RM354,147. Manakala pelaburan bagi saham Felda Global Ventures Holdings Berhad, Malaysia Airports Holdings Berhad, Gas Malaysia Berhad dan Telekom Malaysia Berhad dikekalkan masing-masing berjumlah RM9.10 juta, RM2.20 juta, RM440,000 dan RM283,500.

**4.8.3.3.** Pada tahun 2016, jumlah pelaburan Kerajaan Negeri telah meningkat daripada RM77.65 juta menjadi RM78.83 juta. Sejumlah RM3.41 juta dividen dan keuntungan diterima hasil daripada pelaburan tersebut berbanding RM3.69 juta pada tahun 2015 iaitu penurunan sejumlah RM283,581 atau 7.6%.

Kedudukan pelaburan Kerajaan Negeri pada tahun 2016 berbanding tahun 2015 adalah seperti di **Jadual 4.32**.

**JADUAL 4.32**  
**PELABURAN KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2016 BERBANDING 2015**

| BIL.                          | BUTIRAN                                              | TAHUN     |           | PERUBAHAN |       |
|-------------------------------|------------------------------------------------------|-----------|-----------|-----------|-------|
|                               |                                                      | 2015      | 2016      |           |       |
|                               |                                                      | (RM Juta) | (RM Juta) | (RM Juta) | (%)   |
| Pengurus Dana Pelaburan       |                                                      |           |           |           |       |
| 1.                            | Asian Islamic Investment Management Sdn. Bhd.        | 20.00     | 20.00     | -         | -     |
| 2.                            | Maybank Islamic Asset Management Sdn. Bhd.           | 15.00     | 15.00     | -         | -     |
| 3.                            | RHB Islamic International Asset Management Sdn. Bhd. | 15.00     | 15.00     | -         | -     |
| 4.                            | CIMB-Principal Islamic Asset Management Sdn. Bhd.    | 15.00     | 15.00     | -         | -     |
| Jumlah                        |                                                      | 65.00     | 65.00     | -         | -     |
| Pelaburan Dalam Syarikat Awam |                                                      |           |           |           |       |
| 1.                            | Axiata Group Berhad                                  | 0.63      | 1.81      | 1.18      | 187.3 |
| 2.                            | Felda Global Ventures Holdings Berhad                | 9.10      | 9.10      | -         | -     |
| 3.                            | Malaysia Aiports Holdings Berhad                     | 2.20      | 2.20      | -         | -     |
| 4.                            | Gas Malaysia Berhad                                  | 0.44      | 0.44      | -         | -     |
| 5.                            | Telekom Malaysia Berhad                              | 0.28      | 0.28      | -         | -     |
| Jumlah                        |                                                      | 12.65     | 13.83     | 1.18      | 9.3   |
| JUMLAH KESELURUHAN            |                                                      | 77.65     | 78.83     | 1.18      | 1.5   |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri tahun 2015 dan 2016

#### 4.9. NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

**4.9.1.** Nota Kepada Penyata Kewangan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak. Ia memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan maklumat tambahan lain seperti Akaun Belum Terima, peristiwa yang berlaku selepas tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan angka perbandingan.

#### 4.9.2. Akaun Belum Terima

**4.9.2.1.** Peraturan mengenai Akaun Belum Terima (ABT) dinyatakan dalam Arahan Perbendaharaan 89A, yang menghendaki setiap Pegawai Pengawal menghantar suatu penyata mengenai apa-apa hasil yang sepatutnya diterima pada 31 Disember kepada Perbendaharaan Negeri dengan salinannya dihantar ke Jabatan Audit Negara. Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP 10.6 menjelaskan dasar dan tatacara Akaun Belum Terima di mana tunggakan hasil adalah sebahagian daripadanya. Selain itu, Surat Arahan Bagi Penutupan

Akaun Awam iaitu melalui Surat Pekeliling Kewangan Negeri Perak Bil. 1 Tahun 2016 telah menetapkan kewajipan pegawai-pegawai pengawal mengemukakan Penyata Tunggakan Hasil 2016. Analisis Audit mendapati tunggakan hasil Negeri Perak telah menurun iaitu sejumlah RM23.73 juta atau 21.1% menjadi RM88.74 juta berbanding RM112.47 juta pada tahun 2015. Akaun Belum Terima pada tahun 2016 dan 2015 adalah seperti di **Jadual 4.33**.

**JADUAL 4.33**  
**AKAUN BELUM TERIMA PADA TAHUN 2016 BERBANDING 2015**

| BIL.          | BUTIRAN                                    | TAHUN         |              | PERUBAHAN     |              |
|---------------|--------------------------------------------|---------------|--------------|---------------|--------------|
|               |                                            | 2015          | 2016         |               |              |
|               |                                            | (RM Juta)     | (RM Juta)    | (RM Juta)     | (%)          |
| 1.            | Cukai Tanah                                | 106.15        | 83.09        | -23.06        | -21.7        |
| 2.            | Ansuran Sewa Beli Rancangan Perumahan Awam | 6.03          | 5.41         | -0.62         | -10.3        |
| 3.            | Lain-lain Hasil                            | 0.29          | 0.24         | -0.05         | -17.2        |
| <b>JUMLAH</b> |                                            | <b>112.47</b> | <b>88.74</b> | <b>-23.73</b> | <b>-21.1</b> |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri tahun 2015 dan 2016

**4.9.2.2.** Analisis Audit selanjutnya mendapati perkara seperti berikut:

- a. Tunggakan cukai tanah menurun sejumlah RM24.44 juta atau 23% pada tahun 2016 kepada RM81.71 juta berbanding RM106.15 juta pada tahun 2015. Penurunan tunggakan disebabkan usaha yang dijalankan oleh Pejabat Tanah. Usaha-usaha yang dilaksanakan adalah mengambil tindakan rampasan tanah di bawah Seksyen 97 dan Seksyen 100 Akta Kanun Tanah Negara 1965, mengadakan kempen kesedaran membayar cukai tanah, mengeluarkan surat peringatan kepada pemilik yang mempunyai tunggakan cukai tanah dan mengadakan sesi perbincangan secara berkala bersama pemilik yang mempunyai tunggakan berjumlah RM10,000 ke atas. Selain itu, Pejabat Tanah juga mengadakan siasatan di atas tapak bagi pemilik yang tidak dapat dikesan serta mempunyai tunggakan cukai tanah, membuka kaunter kutipan luar di setiap Mukim, pusat beli belah, taman perumahan dan Dewan Orang Ramai. Pejabat Tanah juga turut membuat pengemaskinian dan pengesahan alamat pemilik melalui kerjasama dengan Pejabat Penghulu, Jabatan Pendaftaran Negara serta Jabatan Arah, Rekod dan Pencen, Kementerian Pertahanan Malaysia.
- b. Tunggakan ansuran sewa beli Rancangan Perumahan Awam (RPA) menurun sejumlah RM0.62 juta atau 10.3% kepada RM5.41 juta pada tahun 2016 berbanding sejumlah RM6.03 juta pada tahun 2015. Penurunan ini antaranya disebabkan perkara seperti berikut:


- i. Pejabat menjalankan operasi dan tindakan penguatkuasaan terhadap pemilik rumah RPA yang mempunyai tunggakan di 12 kawasan projek RPA;
  - ii. Pejabat mengadakan sesi konsultasi berkaitan kaedah penyelesaian baki bersama pemilik RPA di 9 kawasan projek RPA;
  - iii. Pejabat menerima bayaran sekaligus berjumlah RM289,335 daripada 37 pemilik. Bagaimanapun, 6 pemohon belum membuat bayaran; dan
  - iv. Pejabat mengeluarkan Notis Tuntutan Tunggakan (Notis 14 Hari), Notis Menamatkan Perjanjian (Notis 30 Hari) dan Notis Arahan Mengosongkan Premis.
- c. Tunggakan lain-lain hasil menurun sejumlah RM51,026 atau 17.7% pada tahun 2016 menjadi RM237,576 berbanding RM288,602 pada tahun 2015. Penurunan disebabkan oleh pembayaran balik tunggakan faedah pinjaman bagi tahun 2015 berjumlah RM123,451 daripada Majlis Perbandaran Kuala Kangsar dan Yayasan Bina Upaya Darul Ridzuan. Selain itu, tunggakan sewa kuarters JKR dan sewa Bangunan Kompleks Riverine Resort berjumlah RM8,600 dijelaskan pada tahun 2016. Trend Akaun Belum Terima bagi tempoh lima (5) tahun dari tahun 2012 hingga 2016 adalah seperti di **Jadual 4.34** dan **Carta 4.5**.

**JADUAL 4.34**  
**TREND AKAUN BELUM TERIMA BAGI TAHUN 2012 HINGGA 2016**

| BIL.          | BUTIRAN                                    | TAHUN         |               |               |               |              |
|---------------|--------------------------------------------|---------------|---------------|---------------|---------------|--------------|
|               |                                            | 2012          | 2013          | 2014          | 2015          | 2016         |
|               |                                            | (RM Juta)     | (RM Juta)     | (RM Juta)     | (RM Juta)     | (RM Juta)    |
| 1.            | Cukai Tanah                                | 111.76        | 96.93         | 102.08        | 106.15        | 83.09        |
| 2.            | Ansuran Sewa Beli Rancangan Perumahan Awam | 10.37         | 9.28          | 7.47          | 6.03          | 5.41         |
| 3.            | Lain-Lain Hasil                            | 6.65          | 10.68         | 0.38          | 0.29          | 0.24         |
| <b>JUMLAH</b> |                                            | <b>128.78</b> | <b>116.89</b> | <b>109.93</b> | <b>112.47</b> | <b>88.74</b> |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2012 hingga 2016

**CARTA 4.5**  
**KEDUDUKAN AKAUN BELUM TERIMA BAGI TAHUN 2012 HINGGA 2016**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

#### 4.10. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

**4.10.1.** Secara keseluruhannya, analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2016 adalah baik.

- Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2016 berjumlah RM951.13 juta menurun sejumlah RM1.04 juta berbanding RM952.17 juta pada tahun 2015;
- Jumlah kutipan hasil pada tahun 2016 meningkat sejumlah RM54.57 juta manakala pelaburan pada tahun 2016 meningkat sejumlah RM15.50 juta atau 1.8% kepada RM863.82 juta;
- Prestasi Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2016 mengalami surplus RM2.80 juta berbanding surplus RM4.08 juta pada tahun 2015;
- Jumlah Akaun Belum Terima pada tahun 2016 menurun sejumlah RM23.73 juta menjadi RM88.74 juta berbanding RM112.47 juta pada tahun 2015;
- Pinjaman Boleh Dituntut menurun sejumlah RM237.93 juta pada tahun 2016 menjadi RM365.05 juta berbanding RM602.98 juta pada tahun 2015;
- Jumlah Hutang Awam pada tahun 2016 menurun sejumlah RM268.49 juta menjadi RM338.25 juta berbanding RM606.74 juta pada tahun 2015;
- Tunggakan hasil menurun sejumlah RM23.73 juta atau 21.1% kepada RM88.74 juta daripada RM112.47 juta pada tahun 2015; dan

- Kerajaan Negeri tidak mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman.

**4.10.2.** Kerajaan Negeri perlu mengekalkan prestasi pengurusan kewangan yang baik di samping perbelanjaan secara berhemat tanpa menjejaskan mutu perkhidmatan dan pembangunan ekonomi negeri. Tindakan lebih berkesan hendaklah diambil untuk mengutip tunggakan pinjaman daripada Agensi Negeri yang berkaitan.



BAHAGIAN III  
RANCANGAN PEMBANGUNAN  
KERAJAAN NEGERI



# BAHAGIAN III

## RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

### 5. PENCAPAIAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RMKe-11

**5.1.** Pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) Negeri Perak untuk tempoh lima (5) tahun bermula pada tahun 2016 hingga 2020. Rancangan ini digubal bagi menjelaskan strategi, program dan projek yang akan diperkenal dan dilaksanakan untuk mencapai objektif pembangunan Negeri Perak. Ini adalah signifikan ke arah menggerakkan Negeri Perak dalam pelaksanaan Misi Nasional yang digubal oleh Kerajaan Persekutuan bagi tujuan merealisasikan Wawasan 2020.

**5.2.** Bagi menjayakan RMKe-11, peruntukan sejumlah RM1.76 bilion telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri untuk diagihkan kepada 11 Jabatan Negeri bagi pelaksanaan projek dan program yang dirancang. Tiga (3) Jabatan Negeri yang menerima peruntukan tertinggi adalah Pejabat Kewangan Negeri (Pelbagai Projek) berjumlah RM610.81 juta, Unit Perancang Ekonomi Negeri (Pelbagai Kerja dan Perkhidmatan Sosial) berjumlah RM397.10 juta dan Jabatan Kerja Raya berjumlah RM363 juta. Peruntukan pembangunan di bawah RMKe-11 sehingga akhir tahun 2020 adalah seperti di **Jadual 5.1**.

**JADUAL 5.1**  
**PERUNTUKAN RMKE-11 DAN JUMLAH PROJEK**  
**YANG DIRANCANG BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2020**

| BIL.          | JABATAN/PEJABAT                                                           | PERUNTUKAN<br>RMKE-11 | JUMLAH<br>PROJEK<br>DIRANCANG |
|---------------|---------------------------------------------------------------------------|-----------------------|-------------------------------|
|               |                                                                           | (RM Juta)             |                               |
| 1.            | Pejabat Kewangan Negeri (Pelbagai Projek)                                 | 610.81                | 58                            |
| 2.            | Unit Perancang Ekonomi Negeri<br>(Pelbagai Kerja dan Perkhidmatan Sosial) | 397.10                | 35                            |
| 3.            | Jabatan Kerja Raya                                                        | 363.00                | 117                           |
| 4.            | Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri                                        | 88.00                 | 63                            |
| 5.            | Jabatan Pengairan Dan Saliran                                             | 88.00                 | 18                            |
| 6.            | Jabatan Perkhidmatan Veterinar                                            | 50.60                 | 13                            |
| 7.            | Jabatan Pertanian                                                         | 49.50                 | 35                            |
| 8.            | Jabatan Agama Islam                                                       | 41.80                 | 9                             |
| 9.            | Jabatan Perhutanan                                                        | 39.60                 | 22                            |
| 10.           | Jabatan Kehakiman Syariah                                                 | 22.00                 | 4                             |
| 11.           | Jabatan Perikanan                                                         | 9.59                  | 3                             |
| <b>JUMLAH</b> |                                                                           | <b>1,760.00</b>       | <b>377</b>                    |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri tahun 2016

Nota: Jumlah projek dirancang merupakan bilangan sub projek bagi setiap kod projek. Bilangan projek yang akan dilaksanakan di dalam setiap sub projek bergantung kepada permohonan dan peruntukan Jabatan/Pejabat.

### 5.2.1. Pencapaian Perbelanjaan Pembangunan RMKe-11

Pada tahun 2016, sejumlah RM397.44 juta telah diperuntukkan dan sejumlah RM370.30 juta atau 93.2% telah dibelanjakan. Analisis Audit menunjukkan 10 Jabatan telah membelanjakan melebihi 80%. Hanya Jabatan Perikanan yang membelanjakan 51.4% daripada peruntukan RMKe-11 bagi tahun 2016. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 5.2**.

**JADUAL 5.2**  
**PERUNTUKAN DAN PENCAPAIAN**  
**PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2016 DI BAWAH RMKE-11**

| BIL.          | JABATAN/PEJABAT                                                           | PERUNTUKAN    | PERBELANJAAN  | PENCAPAIAN  |
|---------------|---------------------------------------------------------------------------|---------------|---------------|-------------|
|               |                                                                           | (RM Juta)     | (RM Juta)     | (%)         |
| 1.            | Pejabat Kewangan Negeri (Pelbagai Projek)                                 | 174.62        | 165.70        | 94.9        |
| 2.            | Unit Perancang Ekonomi Negeri<br>(Pelbagai Kerja dan Perkhidmatan Sosial) | 79.50         | 70.75         | 89.0        |
| 3.            | Jabatan Kerja Raya                                                        | 70.00         | 64.63         | 92.3        |
| 4.            | Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri                                        | 18.87         | 16.96         | 89.9        |
| 5.            | Jabatan Pengairan Dan Saliran                                             | 16.00         | 15.95         | 99.7        |
| 6.            | Jabatan Perkhidmatan Veterinar                                            | 9.50          | 9.49          | 99.9        |
| 7.            | Jabatan Pertanian                                                         | 8.50          | 8.37          | 98.5        |
| 8.            | Jabatan Perhutanan                                                        | 8.00          | 7.36          | 92.0        |
| 9.            | Jabatan Agama Islam                                                       | 6.10          | 6.04          | 99.0        |
| 10.           | Jabatan Kehakiman Syariah                                                 | 6.00          | 4.87          | 81.2        |
| 11.           | Jabatan Perikanan                                                         | 0.35          | 0.18          | 51.4        |
| <b>JUMLAH</b> |                                                                           | <b>397.44</b> | <b>370.30</b> | <b>93.2</b> |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri tahun 2016

### 5.2.2. Pencapaian Pelaksanaan Projek Pembangunan Tahun 2016

Pada tahun 2016 sebanyak 1,029 projek telah dirancang untuk dilaksanakan merangkumi projek utama dan kerja-kerja kecil yang dilaksanakan di bawah projek utama. Daripada jumlah tersebut 745 projek atau 72.4% telah disiapkan sepenuhnya dan 83 atau 8.1% projek sedang dilaksanakan. Manakala 201 projek atau 19.5% masih belum dimulakan kerana terdapat projek/program tangguh, belum mula dan masih dalam perancangan. Prestasi pelaksanaan projek sehingga akhir tahun 2016 adalah seperti di **Jadual 5.3** dan **Carta 5.1**, manakala **Jadual 5.4** menunjukkan antara projek yang belum mula.


**JADUAL 5.3**  
**STATUS PENCAPAIAN PELAKSANAAN PROJEK TAHUN 2016**

| BIL. | JABATAN/PEJABAT                                                           | PROJEK/PROGRAM |                     |            | JUMLAH |
|------|---------------------------------------------------------------------------|----------------|---------------------|------------|--------|
|      |                                                                           | SIAP           | SEDANG DILAKSANAKAN | BELUM MULA |        |
| 1.   | Pejabat Kewangan Negeri (Pelbagai Projek)                                 | 67             | -                   | -          | 67     |
| 2.   | Unit Perancang Ekonomi Negeri<br>(Pelbagai Kerja dan Perkhidmatan Sosial) | 205            | 44                  | 160        | 409    |
| 3.   | Jabatan Kerja Raya                                                        | 30             | 17                  | 40         | 87     |
| 4.   | Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri                                        | 123            | -                   | -          | 123    |

| BIL.   | JABATAN/PEJABAT                | PROJEK/PROGRAM |                     |            | JUMLAH |
|--------|--------------------------------|----------------|---------------------|------------|--------|
|        |                                | SIAP           | SEDANG DILAKSANAKAN | BELUM MULA |        |
| 5.     | Jabatan Pengairan dan Saliran  | 19             | 7                   | -          | 26     |
| 6.     | Jabatan Perkhidmatan Veterinar | 149            | -                   | -          | 149    |
| 7.     | Jabatan Pertanian              | 71             | -                   | -          | 71     |
| 8.     | Jabatan Perhutanan             | 13             | -                   | -          | 13     |
| 9.     | Jabatan Agama Islam            | 65             | 13                  | -          | 78     |
| 10.    | Jabatan Kehakiman Syariah      | 3              | 1                   | 1          | 5      |
| 11.    | Jabatan Perikanan              | -              | 1                   | -          | 1      |
| JUMLAH |                                | 745            | 83                  | 201        | 1,029  |

Sumber: Jabatan/Pejabat Negeri tahun 2016

**CARTA 5.1**  
**STATUS PENCAPAIAN PROJEK RMKE-11 PADA 31 DISEMBER 2016**



Sumber: Jabatan/Pejabat Negeri tahun 2016

**JADUAL 5.4**  
**ANTARA PROJEK YANG BELUM DIMULAKAN PADA TAHUN 2016**

| BIL. | NAMA PROJEK                                                  | KOS PROJEK (RM Juta) | SEBAB BELUM MULA                                                                                                       |
|------|--------------------------------------------------------------|----------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.   | Pembinaan Mahkamah Syariah Teluk Intan                       | 5.50                 | Projek di peringkat perancangan. Pembinaan hanya akan dilaksanakan setelah pembinaan Mahkamah Syariah Taiping selesai. |
| 2.   | Menaiktaraf Jalan Kuala Kangsar/Manong/Beruas A3 (Pakej 2)   | 15.00                | Projek di peringkat perancangan dan akan dilaksanakan secara <i>in-house design</i> pada tahun 2017.                   |
| 3.   | Membina Jalan Menyambungkan Bagan Serai Ke Jalan Baharu A102 | 11.00                | Projek masih belum dimulakan kerana di peringkat proses lantikan Perunding.                                            |

Sumber: Rekod Jabatan

### **5.3. RUMUSAN**

Prestasi perbelanjaan dan pelaksanaan projek pembangunan RMKe-11 untuk tahun 2016 adalah sangat baik. Sehingga 31 Disember 2016 sejumlah RM370.30 juta atau 93.2% telah dibelanjakan berbanding peruntukan yang diluluskan berjumlah RM397.44 juta. Prestasi pelaksanaan projek yang telah berjaya dilaksanakan adalah berjumlah 828 projek atau 80.5% daripada 1,029 projek yang diluluskan manakala baki projek sama ada ditangguhkan, belum mula atau masih di peringkat perancangan. Pelaksanaan projek pembangunan yang lancar dapat mempertingkatkan lagi taraf hidup rakyat Negeri Perak.



BAHAGIAN IV  
PENYERAHAN, PENGESAHAN,  
PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN  
DAN PRESTASI KEWANGAN  
AGENSI NEGERI



---

## **BAHAGIAN IV**

### **PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI**

---

#### **6. PENDAHULUAN**

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara juga mengaudit Penyata Kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan. Pengauditan ini adalah untuk mengesah dan memastikan ketepatannya serta memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama dengan berpandukan Akta dan Piawaian yang diluluskan.

##### **6.1. PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN**

Selaras dengan Seksyen 5(c) Akta Audit 1957, Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap penyata kewangan Agensi Kerajaan Negeri yang bertujuan untuk memastikan segala akaun serta rekod kewangan diselenggara dengan teratur dan kemas kini. Sehingga akhir tahun 2016, Ketua Audit Negara bertanggungjawab melaksanakan pengauditan terhadap 13 Badan Berkanun Negeri, satu (1) Majlis Agama Islam dan 15 Pihak Berkuasa Tempatan. Daripada jumlah tersebut, penyata kewangan bagi dua (2) Badan Berkanun Negeri dan Majlis Agama Islam diaudit terus oleh Jabatan Audit Negara. Firma audit swasta telah dilantik untuk menjalankan pengauditan terhadap 12 Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri dan 15 Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan. Pelantikan firma audit swasta ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 7(3), Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau. Kerja pengauditan yang dilaksanakan oleh firma audit swasta sentiasa dipantau oleh Jabatan Audit Negara melalui penyediaan Memorandum Perancangan Audit, lawatan dan perbincangan antara pihak firma audit swasta dengan pegawai Jabatan Audit Negara serta penyediaan borang semakan yang perlu disertakan bersama laporan akhir yang dihantar kepada Jabatan Audit Negara.

##### **6.2. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN**

**6.2.1.** Penyerahan Penyata Kewangan bagi 13 Badan Berkanun Negeri (BBN) adalah tertakluk di bawah Enakmen yang ditetapkan dan bagi Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak pula, termaktub di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak 2004. Manakala bagi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pula adalah tertakluk di bawah Seksyen 60(1), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Bagaimanapun, mengikut keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perhubungan Antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Bilangan 1 Tahun 2009 pada

20 April 2009 bersetuju supaya tarikh penyerahan penyata kewangan bagi BBN, Majlis Agama Islam dan PBT dikemukakan sebelum atau pada 30 April setiap tahun.

**6.2.2.** Setakat 30 Jun 2017, kesemua 15 PBT dan 13 BBN telah mengemukakan penyata kewangan tahun 2016 untuk diaudit. Kesemua penyata tersebut telah diterima sebelum 30 April 2017. Bagaimanapun, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak belum menyerahkan penyata kewangan bagi tahun 2016 untuk pengauditan.

### **6.3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN**

Setakat 30 Jun 2017, 30 penyata kewangan bagi tahun berakhir 2015 telah diaudit dan dikeluarkan Laporan Ketua Audit Negara. Sebanyak 29 penyata kewangan telah diberi Laporan Ketua Audit Negara Tanpa Teguran dan satu (1) lagi telah diberi Laporan Ketua Audit Negara Berteguran bagi tahun berakhir 2015. Laporan Ketua Audit Negara Berteguran dikeluarkan kepada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak kerana tidak mematuhi piawaian perakaunan dan peraturan kewangan serta penyelenggaraan rekod perakaunan yang tidak memuaskan.

### **6.4. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN**

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan supaya Laporan Ketua Audit Negara mengenai penyata kewangan yang telah disahkan hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri (DUN). Penyata Kewangan bagi lapan (8) daripada 14 BBN dan kesemua 15 PBT perlu dibentangkan di DUN. Setakat 30 Jun 2017, dua (2) Penyata Kewangan Tahun 2015 bagi BBN masih belum dibentangkan di DUN. Manakala kesemua 15 Penyata Kewangan Tahun 2015 bagi PBT telah dibentangkan di DUN pada 5 April 2017. Penyata Kewangan BBN yang belum dibentangkan di DUN adalah seperti di **Jadual 6.1**.

**JADUAL 6.1**  
**PENYATA KEWANGAN BBN YANG BELUM DIBENTANGKAN DI DUN**

| BIL. | BBN                         | TAHUN PENYATA KEWANGAN<br>BELUM BENTANG |
|------|-----------------------------|-----------------------------------------|
| 1.   | Lembaga Muzium Negeri Perak | 2015                                    |
| 2.   | Lembaga Air Perak           | 2015                                    |

Sumber: Jabatan Audit Negara

### **6.5. PRESTASI KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI**

Analisis prestasi kewangan Badan Berkanun Negeri (BBN) adalah berdasarkan 13 Penyata Kewangan tahun 2016 yang dikemukakan untuk pengauditan.

### 6.5.1. Analisis Kedudukan Kewangan Badan Berkanun Negeri

**6.5.1.1.** Pada keseluruhannya, kedudukan kewangan BBN bagi tahun 2016 adalah memuaskan berbanding tahun 2015. Analisis Audit terhadap Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 mendapati tujuh (7) daripada 13 BBN telah mencatatkan lebih pendapatan berbanding perbelanjaan antara RM0.16 juta hingga RM90.83 juta. Lembaga Air Perak telah mencatatkan surplus pendapatan paling tinggi iaitu sejumlah RM90.83 juta dan juga pendapatan tertinggi yang berjumlah RM384.33 juta.

**6.5.1.2.** Analisis terhadap Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2016 mendapati kesemua 12 daripada 13 BBN berada dalam kedudukan stabil di mana aset semasa melebihi liabiliti semasa antara RM13,533 hingga RM1,083.12 juta. Lembaga Air Perak mencatat aset semasa bersih paling tinggi iaitu berjumlah RM1,083.12 juta di mana aset semasa berjumlah RM1,112.41 juta berbanding liabiliti semasa berjumlah RM29.29 juta. Antara aset semasa yang besar dimiliki adalah tunai dan simpanan tetap di bank berjumlah RM647.84 juta dan pendahuluan royalti air berjumlah RM301.54 juta. Prestasi kewangan BBN bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 adalah seperti di **Jadual 6.2**.

**JADUAL 6.2**  
**PRESTASI KEWANGAN BBN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

| BIL.          | BBN                                                             | PENYATA PENDAPATAN BERAKHIR<br>31 DISEMBER 2016<br>(RM Juta) |               |                       | LEMBARAN IMBANGAN PADA<br>31 DISEMBER 2016<br>(RM Juta) |                     |                                          |
|---------------|-----------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------|---------------|-----------------------|---------------------------------------------------------|---------------------|------------------------------------------|
|               |                                                                 | PENDAPATAN                                                   | PERBELANJAAN  | SURPLUS/<br>(DEFISIT) | ASET<br>SEMASA                                          | LIABILITI<br>SEMASA | ASET/<br>(LIABILITI)<br>SEMASA<br>BERSIH |
| 1.            | Perbadanan Kemajuan Negeri Perak                                | 65.35                                                        | 40.87         | 24.48                 | 186.36                                                  | 147.84              | 38.52                                    |
| 2.            | Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak                   | 59.30                                                        | 43.45         | 15.85                 | 127.81                                                  | 149.40              | -21.59                                   |
| 3.            | Lembaga Air Perak                                               | 384.33                                                       | 293.50        | 90.83                 | 1,112.41                                                | 29.29               | 1,083.12                                 |
| 4.            | Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak                       | 10.10                                                        | 10.30         | -0.20                 | 2.44                                                    | 0.68                | 1.76                                     |
| 5.            | Majlis Sukan Negeri Perak                                       | 1.58                                                         | 1.82          | -0.24                 | 0.23                                                    | 0.13                | 0.10                                     |
| 6.            | Lembaga Muzium Negeri Perak                                     | 1.52                                                         | 1.14          | 0.38                  | 2.44                                                    | 0.02                | 2.42                                     |
| 7.            | Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Anak Melayu Perak       | 0.02                                                         | 0.28          | -0.26                 | 63.96                                                   | 0.02                | 63.94                                    |
| 8.            | Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Anak Bukan Melayu Perak | 0.00                                                         | 0.17          | -0.17                 | 12.55                                                   | 0.02                | 12.53                                    |
| 9.            | Perbadanan Taman Negeri Perak                                   | 2.52                                                         | 2.68          | -0.16                 | 0.03                                                    | 0.02                | 0.01                                     |
| 10.           | Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak                     | 31.13                                                        | 12.54         | 18.59                 | 97.50                                                   | 0.32                | 97.18                                    |
| 11.           | Amanah Agama Khairat Sultan Idris Kuala Kangsar                 | 0.33                                                         | 0.17          | 0.16                  | 1.72                                                    | 0.05                | 1.67                                     |
| 12.           | Yayasan Perak                                                   | 4.38                                                         | 5.18          | -0.80                 | 35.60                                                   | 19.71               | 15.89                                    |
| 13.           | Tabung Kumpulan Wang Kebajikan dan Pendidikan Yayasan Perak     | 14.14                                                        | 13.86         | 0.28                  | 8.54                                                    | 1.02                | 7.52                                     |
| <b>JUMLAH</b> |                                                                 | <b>574.70</b>                                                | <b>425.96</b> | <b>148.74</b>         | <b>1,651.59</b>                                         | <b>348.52</b>       | <b>1,303.07</b>                          |

Sumber: Penyata Kewangan BBN Tahun 2016 Belum Audit


### 6.5.2. Analisis Aset

Pada akhir tahun 2016, 13 BBN memperoleh aset sejumlah RM5,199.21 juta berbanding RM4,955.21 juta bagi tahun 2015 iaitu peningkatan sejumlah RM244 juta atau 4.9%. Daripada jumlah aset tersebut, jumlah aset semasa pada akhir tahun 2016 ialah RM1,651.59 juta berbanding RM1,891.14 juta pada tahun 2015. Analisis Audit mendapati pada keseluruhannya, nilai aset bersih semasa telah menurun daripada RM1,587.40 juta pada tahun 2015 kepada RM1,303.07 juta pada tahun 2016 iaitu penurunan sejumlah RM284.33 juta atau 17.9%. Peningkatan aset semasa bersih yang ketara bagi tahun 2016 berlaku di Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri iaitu sejumlah RM18.26 juta atau 23.1% berbanding sejumlah RM78.92 juta pada tahun 2015. Manakala penurunan aset semasa bersih yang ketara pada tahun 2016 pula berlaku di Lembaga Air Perak iaitu sejumlah RM226.17 juta atau 17.3% berbanding RM1,309.29 juta pada tahun 2015.

### 6.5.3. Analisis Pelaburan

Pada akhir tahun 2016, lima (5) BBN iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Perak, Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak, Lembaga Air Perak, Yayasan Perak dan Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak mempunyai pelaburan berjumlah RM1,035.67 juta. Pelaburan ini terdiri daripada pelaburan dalam syarikat subsidiari, syarikat bersekutu dan pelaburan sekuriti. Analisis Audit mendapati pada keseluruhannya, jumlah pelaburan telah meningkat sejumlah RM42.02 juta atau 4.2% berbanding RM993.65 juta pada tahun 2015. Jenis pelaburan BBN bagi tahun 2016 adalah seperti di **Carta 6.1**.

**CARTA 6.1**  
**JENIS PELABURAN BBN PADA TAHUN 2016**



Sumber: Penyata Kewangan BBN tahun 2016 (Belum Diaudit)

Nota: Angka-Angka Tahun 2016 Adalah Penyata Kewangan Belum Audit Sehingga 30 Jun 2017

#### 6.5.4. Analisis Liabiliti

Pada akhir tahun 2016, jumlah liabiliti bagi 13 BBN ialah RM922.53 juta berbanding RM1,108.86 juta pada tahun 2015 iaitu penurunan sejumlah RM186.33 juta atau 16.8%. Enam (6) daripada 13 BBN mengalami peningkatan jumlah liabiliti dan tujuh (7) BBN mempunyai penurunan liabiliti. Penurunan liabiliti Lembaga Air Perak sejumlah RM240.66 juta atau 31.1% berbanding tahun sebelumnya adalah kerana penurunan pinjaman Kerajaan Negeri, sumbangan agensi dan swasta, pinjaman yang kena dibayar dalam tempoh 12 bulan dan lain-lain pemiutang dan cagaran. Jumlah liabiliti BBN bagi tahun 2015 dan 2016 adalah seperti di **Jadual 6.3**.

**JADUAL 6.3**  
**JUMLAH LIABILITI BBN BAGI TAHUN 2015 DAN 2016**

| BIL.          | BBN                                                         | TAHUN           |               | PERUBAHAN      |              |
|---------------|-------------------------------------------------------------|-----------------|---------------|----------------|--------------|
|               |                                                             | 2015            | 2016          |                |              |
|               |                                                             | (RM Juta)       | (RM Juta)     | (RM Juta)      | (%)          |
| 1.            | Perbadanan Kemajuan Negeri Perak                            | 137.74          | 159.36        | 21.62          | 15.7         |
| 2.            | Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak               | 161.54          | 187.65        | 26.11          | 16.2         |
| 3.            | Lembaga Air Perak                                           | 772.91          | 532.25        | -240.66        | -31.1        |
| 4.            | Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak                   | 0.46            | 1.03          | 0.57           | 123.9        |
| 5.            | Majlis Sukan Negeri Perak                                   | 0.18            | 0.13          | -0.05          | -27.8        |
| 6.            | Lembaga Muzium Negeri Perak                                 | 0.004           | 0.021         | 0.017          | 425.0        |
| 7.            | Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Anak Melayu         | 0.04            | 0.02          | -0.02          | -50.0        |
| 8.            | Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Anak Bukan Melayu   | 0.03            | 0.02          | -0.01          | -33.3        |
| 9.            | Perbadanan Taman Negeri                                     | 3.52            | 3.45          | -0.07          | -2.0         |
| 10.           | Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak                 | 2.83            | 2.35          | -0.48          | -17.0        |
| 11.           | Amanah Agama Khairat Sultan Idris Kuala Kangsar             | 0.06            | 0.05          | -0.01          | -16.7        |
| 12.           | Yayasan Perak                                               | 29.52           | 35.18         | 5.66           | 19.2         |
| 13.           | Tabung Kumpulan Wang Kebajikan Dan Pendidikan Yayasan Perak | 0.03            | 1.02          | 0.99           | 3,300.0      |
| <b>JUMLAH</b> |                                                             | <b>1,108.86</b> | <b>922.53</b> | <b>-186.33</b> | <b>-16.8</b> |

Sumber: Penyata Kewangan BBN Tahun 2016 (Belum Diaudit)

#### 6.5.5. Analisis Nisbah

Nisbah Hutang mengukur peratus dana dibiayai daripada sumber selain ekuiti. Analisis Nisbah Hutang menunjukkan satu (1) BBN menggunakan lebih daripada 50% jumlah asetnya dibiayai oleh jumlah hutang. Empat (4) BBN mempunyai kurangan aliran tunai bersih. Lima (5) BBN menunjukkan Nisbah Kecairan kurang daripada dua (2) iaitu menggambarkan BBN berkenaan tidak mampu untuk memenuhi tanggungan jangka pendek. Penilaian terhadap analisis kecairan dan kestabilan BBN bagi tahun 2016 adalah seperti di **Jadual 6.4**.

**JADUAL 6.4**  
**ANALISIS KECAIRAN DAN KESTABILAN BBN BAGI TAHUN 2016**

| BIL. | BBN                                                             | NISBAH SEMASA | NISBAH CEPAT | MODAL KERJA | ALIRAN TUNAI BERSIH | NISBAH HUTANG |
|------|-----------------------------------------------------------------|---------------|--------------|-------------|---------------------|---------------|
|      |                                                                 |               |              | (RM Juta)   | (RM Juta)           | (%)           |
| 1.   | Perbadanan Kemajuan Negeri Perak                                | 1.26          | 1.20         | 38.52       | -1.64               | 26.36         |
| 2.   | Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak                   | 0.86          | 0.83         | -21.59      | -13.88              | 10.57         |
| 3.   | Lembaga Air Perak                                               | 37.98         | 37.80        | 1,083.12    | -48.00              | 24.05         |
| 4.   | Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak                       | 3.59          | 3.59         | 1.76        | 1.05                | 34.68         |
| 5.   | Majlis Sukan Negeri Perak                                       | 1.77          | 1.77         | 0.10        | 0.16                | 1.64          |
| 6.   | Lembaga Muzium Negeri Perak                                     | 122.00        | 122.00       | 2.42        | 0.42                | 0.70          |
| 7.   | Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Anak Melayu Perak       | 3,198.00      | 3,198.00     | 63.94       | 2.10                | 0.03          |
| 8.   | Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Anak Bukan Melayu Perak | 627.50        | 627.50       | 12.53       | 0.38                | 0.16          |
| 9.   | Perbadanan Taman Negeri Perak                                   | 1.50          | 1.50         | 0.01        | -0.04               | 80.42         |
| 10.  | Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak                     | 304.69        | 304.69       | 97.18       | 2.50                | 0.56          |
| 11.  | Amanah Agama Khairat Sultan Idris Kuala Kangsar                 | 34.40         | 34.40        | 1.67        | 0.02                | 0.71          |
| 12.  | Yayasan Perak                                                   | 1.81          | 1.81         | 15.89       | 1.05                | 44.67         |
| 13.  | Tabung Kumpulan Wang Kebajikan dan Pelajaran Yayasan Perak      | 8.37          | 8.37         | 7.52        | 1.82                | 11.94         |

Sumber: Penyata Kewangan BBN Tahun 2016 (Belum Diaudit)

#### 6.5.6. Prestasi Syarikat Subsidiari Badan Berkanun Negeri

##### 6.5.6.1. Analisis Pelaburan Dalam Syarikat

Setakat 31 Disember 2016, Perbadanan Kemajuan Negeri Perak melabur sejumlah RM342.43 juta dalam 11 syarikat subsidiari, Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak melabur sejumlah RM253.01 juta dalam Perak Agro Corporation Sdn. Bhd., Lembaga Air Perak melabur sejumlah RM2 juta dalam Millenia Aqua Services Sdn. Bhd., Yayasan Perak melabur sejumlah RM22.63 juta dalam empat (4) syarikat subsidiari dan Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak melabur sejumlah RM10 juta dalam Royal Perak Golf Club Bhd. dan Solatis Power Sdn. Bhd. Bagi pelaburan dalam syarikat bersekutu, Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak melabur sejumlah RM5 juta, Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak melabur sejumlah RM1.45 juta dan Yayasan Perak melabur sejumlah RM393,276. Kedudukan pelaburan pada kos dalam syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu oleh BBN adalah seperti di **Jadual 6.5**.

**JADUAL 6.5**  
**KEDUDUKAN PELABURAN PADA KOS DALAM**  
**SYARIKAT SUBSIDIARI DAN SYARIKAT BERSEKUTU**

| PERKARA                    | PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK | PERBADANAN PEMBANGUNAN PERTANIAN NEGERI PERAK | LEMBAGA AIR PERAK | YAYASAN PERAK | PERBADANAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK |
|----------------------------|----------------------------------|-----------------------------------------------|-------------------|---------------|---------------------------------------------|
| Syarikat Subsidiari (100%) | 8                                | 1                                             | 1                 | 4             | 2                                           |
| Syarikat Subsidiari (>50%) | 3                                | -                                             | -                 | -             | -                                           |
| Syarikat Bersekutu         | -                                | 2                                             | -                 | 2             | 1                                           |
| <b>Jumlah Syarikat</b>     | <b>11</b>                        | <b>3</b>                                      | <b>1</b>          | <b>6</b>      | <b>3</b>                                    |
| <b>Pelaburan (RM Juta)</b> | <b>342.43</b>                    | <b>254.46</b>                                 | <b>2.00</b>       | <b>23.02</b>  | <b>15.00</b>                                |

Sumber: Penyata Kewangan BBN

Nota: Angka-angka tahun 2015 adalah Penyata Kewangan Belum Audit Sehingga 30 Jun 2017

#### 6.5.6.2. Status Syarikat Subsidiari Badan Berkanun Negeri

Status 19 syarikat subsidiari sama ada yang aktif atau dorman adalah seperti di **Jadual 6.6**.

**JADUAL 6.6**  
**STATUS SYARIKAT SUBSIDIARI YANG AKTIF DAN DORMAN BAGI TAHUN 2016**

| BIL.          | BBN                                                  | STATUS SYARIKAT SUBSIDIARI (EKUITI MELEBIHI 50%) |          |           |
|---------------|------------------------------------------------------|--------------------------------------------------|----------|-----------|
|               |                                                      | AKTIF                                            | DORMAN   | JUMLAH    |
| 1.            | Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP)              | 11                                               | -        | 11        |
| 2.            | Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPNP) | 1                                                | -        | 1         |
| 3.            | Lembaga Air Perak (LAP)                              | 1                                                | -        | 1         |
| 4.            | Yayasan Perak (YP)                                   | 3                                                | 1        | 4         |
| 5.            | Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (SSI)    | 2                                                | -        | 2         |
| <b>JUMLAH</b> |                                                      | <b>18</b>                                        | <b>1</b> | <b>19</b> |

Sumber: Penyata Kewangan BBN

#### 6.5.6.3. Analisis Surplus/Defisit Terkumpul Syarikat Subsidiari

Pada 31 Disember 2016, sebanyak tujuh (7) syarikat subsidiari yang aktif di bawah lima (5) BBN mempunyai surplus/keuntungan terkumpul secara keseluruhannya yang berjumlah RM373.32 juta. Dari segi defisit/kerugian terkumpul, analisis Audit menunjukkan 12 syarikat subsidiari BBN mempunyai defisit/kerugian terkumpul secara keseluruhan sejumlah RM204.62 juta. Antara syarikat subsidiari yang mempunyai surplus terkumpul tertinggi ialah Perak Corporation Bhd. (PKNP) sejumlah RM296.79 juta, Maju Perak Holdings Bhd. (PKNP) sejumlah RM37.31 juta, YP Nominees Holdings Sdn. Bhd. (YP) sejumlah RM11.01 juta, Perak Agro Corporation Sdn. Bhd. (PPNP) sejumlah RM15.97 juta dan Millenia Aqua Services Sdn. Bhd. (LAP) sejumlah RM9.89 juta. Kedudukan surplus/defisit terkumpul syarikat subsidiari BBN bagi tahun kewangan 2016 adalah seperti di **Jadual 6.7**.

**JADUAL 6.7**  
**KEDUDUKAN SURPLUS/DEFISIT**  
**TERKUMPUL SYARIKAT SUBSIDIARI BBN BAGI TAHUN 2016**

| BIL.          | BBN                                           | SURPLUS TERKUMPUL |               | DEFISIT TERKUMPUL |                | KEUNTUNGAN/<br>KERUGIAN BERSIH |
|---------------|-----------------------------------------------|-------------------|---------------|-------------------|----------------|--------------------------------|
|               |                                               | BIL. SYARIKAT     | (RM Juta)     | BIL. SYARIKAT     | (RM Juta)      | (RM Juta)                      |
| 1.            | Perbadanan Kemajuan Negeri Perak              | 3                 | 334.35        | 8                 | -195.83        | 138.52                         |
| 2.            | Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak | 1                 | 15.97         | -                 | -              | 15.97                          |
| 3.            | Lembaga Air Perak                             | 1                 | 9.89          | -                 | -              | 9.89                           |
| 4.            | Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak   | 1                 | 2.10          | 1                 | -0.18          | 1.92                           |
| 5.            | Yayasan Perak                                 | 1                 | 11.01         | 3                 | -8.61          | 2.40                           |
| <b>JUMLAH</b> |                                               | <b>7</b>          | <b>373.32</b> | <b>12</b>         | <b>-204.62</b> | <b>168.70</b>                  |

Sumber: Penyata Kewangan BBN Tahun 2016 (Belum Diadit)

## 6.6. PRESTASI KEWANGAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Kesemua 15 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Perak telah mengemukakan penyata kewangan tahun 2016 untuk diaudit pada atau sebelum 30 April 2017. Berdasarkan kepada penyata tersebut, adalah didapati lapan (8) PBT telah memperoleh surplus pendapatan berjumlah RM22.84 juta dan tujuh (7) PBT mencatatkan defisit pendapatan berjumlah RM7.33 juta. Prestasi Kewangan PBT bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 adalah seperti di **Jadual 6.8**.

**JADUAL 6.8**  
**PRESTASI KEWANGAN PBT BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

| BIL.          | PBT                              | PENYATA PENDAPATAN PADA 31 DISEMBER 2016 (RM Juta) |               |                    | LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2016 (RM Juta) |                  |                    |
|---------------|----------------------------------|----------------------------------------------------|---------------|--------------------|---------------------------------------------------|------------------|--------------------|
|               |                                  | PENDAPATAN                                         | PERBELANJAAN  | SURPLUS/ (DEFISIT) | ASET SEMASA                                       | LIABILITI SEMASA | ASET SEMASA BERSIH |
| 1.            | Majlis Bandaraya Ipoh            | 209.64                                             | 193.46        | 16.18              | 154.18                                            | 42.95            | 111.23             |
| 2.            | Majlis Perbandaran Taiping       | 45.69                                              | 48.71         | -3.02              | 19.36                                             | 9.86             | 9.50               |
| 3.            | Majlis Perbandaran Manjung       | 58.93                                              | 57.22         | 1.71               | 21.13                                             | 12.72            | 8.41               |
| 4.            | Majlis Perbandaran Kuala Kangsar | 22.04                                              | 22.96         | -0.92              | 9.57                                              | 4.24             | 5.33               |
| 5.            | Majlis Perbandaran Teluk Intan   | 23.95                                              | 25.98         | -2.03              | 8.44                                              | 4.00             | 4.44               |
| 6.            | Majlis Daerah Kerian             | 17.32                                              | 16.94         | 0.38               | 14.87                                             | 1.16             | 13.71              |
| 7.            | Majlis Daerah Tanjong Malim      | 15.15                                              | 15.79         | -0.64              | 6.30                                              | 5.54             | 0.76               |
| 8.            | Majlis Daerah Tapah              | 13.94                                              | 11.02         | 2.92               | 7.11                                              | 2.55             | 4.56               |
| 9.            | Majlis Daerah Gerik              | 6.13                                               | 6.27          | -0.14              | 4.33                                              | 0.81             | 3.52               |
| 10.           | Majlis Daerah Selama             | 4.63                                               | 4.60          | 0.03               | 2.85                                              | 0.47             | 2.38               |
| 11.           | Majlis Daerah Perak Tengah       | 11.10                                              | 9.98          | 1.12               | 17.59                                             | 2.66             | 14.93              |
| 12.           | Majlis Daerah Lenggong           | 4.51                                               | 4.61          | -0.10              | 3.10                                              | 0.69             | 2.41               |
| 13.           | Majlis Daerah Kampar             | 18.33                                              | 18.13         | 0.20               | 11.14                                             | 2.82             | 8.32               |
| 14.           | Majlis Daerah Pengkalan Hulu     | 4.57                                               | 4.27          | 0.30               | 3.41                                              | 0.50             | 2.91               |
| 15.           | Majlis Daerah Batu Gajah         | 17.57                                              | 18.05         | -0.48              | 33.44                                             | 2.07             | 31.37              |
| <b>JUMLAH</b> |                                  | <b>473.50</b>                                      | <b>457.99</b> | <b>15.51</b>       | <b>316.82</b>                                     | <b>93.04</b>     | <b>223.78</b>      |

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2016 (Belum Diaudit)

**6.6.1.** Majlis Bandaraya Ipoh mencatat surplus semasa sejumlah RM16.18 juta. Prestasi ini menunjukkan peningkatan surplus sejumlah RM1.67 juta atau 11.5% berbanding surplus sejumlah RM14.51 juta pada tahun 2015. Ini adalah kerana peningkatan hasil cukai dan pelbagai terimaan masing-masing sejumlah RM5.29 juta dan RM13.04 juta.

**6.6.2.** Prestasi kewangan Majlis Perbandaran Taiping pula mencatatkan defisit semasa sejumlah RM3.02 juta berbanding defisit sejumlah RM3.41 juta pada tahun 2015. Penurunan defisit ini disebabkan peningkatan hasil cukai dan terimaan bukan hasil pada tahun 2016. Prestasi kewangan Majlis Perbandaran Manjung pada tahun 2016 mencatatkan surplus sejumlah RM1.71 juta berbanding defisit pada tahun 2015 sejumlah RM3.03 juta. Surplus pendapatan ini disebabkan peningkatan Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil pada tahun 2016. Prestasi kewangan Majlis Perbandaran Kuala Kangsar pada tahun 2016 mencatatkan defisit sejumlah RM0.92 juta berbanding defisit pada tahun 2015 sejumlah RM0.97 juta. Penurunan defisit ini disebabkan peningkatan Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil pada tahun 2016. Manakala Majlis Perbandaran Teluk Intan pula merekodkan defisit sejumlah RM2.03 juta pada tahun 2016 berbanding defisit sejumlah RM1.20 juta pada tahun 2015. Peningkatan defisit ini disebabkan peningkatan perbelanjaan emolumen, perkhidmatan dan bekalan, perbelanjaan-perbelanjaan lain, susut nilai dan penghutang ragu pada tahun 2016.

**6.6.3.** Pada tahun 2016, enam (6) daripada 10 Majlis Daerah mengalami surplus semasa berjumlah RM4.95 juta iaitu peningkatan surplus sejumlah RM1.15 juta atau 30.3% berbanding tahun sebelumnya. Majlis Daerah yang mengalami surplus semasa adalah Majlis Daerah Kerian, Tapah, Selama, Perak Tengah, Kampar dan Pengkalan Hulu. Manakala Majlis Daerah Tanjong Malim, Gerik, Lenggong dan Batu Gajah mencatat defisit semasa sejumlah RM1.36 juta berbanding empat (4) Majlis Daerah pada tahun 2015 dengan nilai defisit sejumlah RM1.89 juta. Pengurangan defisit ini adalah disebabkan oleh peningkatan Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Kedudukan kewangan tahunan PBT bagi tahun 2015 dan 2016 adalah seperti di **Jadual 6.9**.

**JADUAL 6.9**  
**KEDUDUKAN KEWANGAN TAHUNAN PBT BAGI TAHUN 2015 DAN 2016**

| BIL. | PBT                              | TAHUN                         |                               | PERUBAHAN |        |
|------|----------------------------------|-------------------------------|-------------------------------|-----------|--------|
|      |                                  | 2015<br>SURPLUS/<br>(DEFISIT) | 2016<br>SURPLUS/<br>(DEFISIT) |           |        |
|      |                                  | (RM Juta)                     | (RM Juta)                     | (RM Juta) | (%)    |
| 1.   | Majlis Bandaraya Ipoh            | 14.51                         | 16.18                         | 1.67      | 11.5   |
| 2.   | Majlis Perbandaran Taiping       | -3.41                         | -3.02                         | 0.39      | -11.4  |
| 3.   | Majlis Perbandaran Manjung       | -3.03                         | 1.71                          | 4.74      | -156.4 |
| 4.   | Majlis Perbandaran Kuala Kangsar | -0.97                         | -0.92                         | 0.05      | -5.2   |

| BIL.   | PBT                            | TAHUN                         |                               | PERUBAHAN |        |
|--------|--------------------------------|-------------------------------|-------------------------------|-----------|--------|
|        |                                | 2015<br>SURPLUS/<br>(DEFISIT) | 2016<br>SURPLUS/<br>(DEFISIT) |           |        |
|        |                                | (RM Juta)                     | (RM Juta)                     | (RM Juta) | (%)    |
| 5.     | Majlis Perbandaran Teluk Intan | -1.20                         | -2.03                         | -0.83     | 69.2   |
| 6.     | Majlis Daerah Kerian           | 0.73                          | 0.38                          | -0.35     | -47.9  |
| 7.     | Majlis Daerah Tanjong Malim    | -1.01                         | -0.64                         | 0.37      | -36.6  |
| 8.     | Majlis Daerah Tapah            | -0.57                         | 2.92                          | 3.49      | -612.3 |
| 9.     | Majlis Daerah Gerik            | -0.27                         | -0.14                         | 0.13      | -48.1  |
| 10.    | Majlis Daerah Selama           | -0.04                         | 0.03                          | 0.07      | -175.0 |
| 11.    | Majlis Daerah Perak Tengah     | 0.98                          | 1.12                          | 0.14      | 14.3   |
| 12.    | Majlis Daerah Lenggong         | 0.16                          | -0.10                         | -0.26     | -162.5 |
| 13.    | Majlis Daerah Kampar           | 0.60                          | 0.20                          | -0.40     | -66.7  |
| 14.    | Majlis Daerah Pengkalan Hulu   | 0.18                          | 0.30                          | 0.12      | 66.7   |
| 15.    | Majlis Daerah Batu Gajah       | 1.15                          | -0.48                         | -1.63     | -141.7 |
| JUMLAH |                                | 7.81                          | 15.51                         | 7.70      | 98.6   |

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2016 (Belum Diaudit)

#### 6.6.4. Aset Semasa Bersih

**6.6.4.1.** Kesemua 15 PBT mengamalkan perakaunan berasaskan akruan. Mengikut perakaunan berasaskan akruan, transaksi adalah direkod pada asas akruan kecuali pendapatan dari lesen, perkhidmatan dan bayaran letak kereta. Akaun Belum Terima mengambil kira penghutang, carum bantu kadar, bayaran perkhidmatan dan sewaan. Perkiraan aset semasa bersih PBT adalah aset semasa bersih ditolak dengan liabiliti semasa. Aset semasa bersih PBT bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 dan 2016 adalah seperti di **Jadual 6.10**.

**JADUAL 6.10**  
**ASET SEMASA BERSIH PBT PADA 31 DISEMBER 2015 DAN 2016**

| BIL. | PBT                        | TAHUN 2015     |                     |                          | TAHUN 2016     |                     |                          | PERUBAHAN<br>ASET BERSIH |       |
|------|----------------------------|----------------|---------------------|--------------------------|----------------|---------------------|--------------------------|--------------------------|-------|
|      |                            | ASET<br>SEMASA | LIABILITI<br>SEMASA | ASET<br>SEMASA<br>BERSIH | ASET<br>SEMASA | LIABILITI<br>SEMASA | ASET<br>SEMASA<br>BERSIH |                          |       |
|      |                            | (RM Juta)      | (RM Juta)           | (RM Juta)                | (RM Juta)      | (RM Juta)           | (RM Juta)                | (RM Juta)                | (%)   |
| 1.   | Majlis Bandaraya Ipoh      | 142.29         | 41.91               | 100.38                   | 154.18         | 42.95               | 111.23                   | 10.85                    | 10.8  |
| 2.   | Majlis Perbandaran Taiping | 24.06          | 11.02               | 13.04                    | 19.36          | 9.86                | 9.50                     | -3.54                    | -27.1 |
| 3.   | Majlis Perbandaran Manjung | 14.59          | 11.03               | 3.56                     | 21.13          | 12.72               | 8.41                     | 4.85                     | 136.2 |

| BIL.   | PBT                              | TAHUN 2015     |                     |                          | TAHUN 2016     |                     |                          | PERUBAHAN<br>ASET BERSIH |        |
|--------|----------------------------------|----------------|---------------------|--------------------------|----------------|---------------------|--------------------------|--------------------------|--------|
|        |                                  | ASET<br>SEMASA | LIABILITI<br>SEMASA | ASET<br>SEMASA<br>BERSIH | ASET<br>SEMASA | LIABILITI<br>SEMASA | ASET<br>SEMASA<br>BERSIH |                          |        |
|        |                                  | (RM Juta)      | (RM Juta)           | (RM Juta)                | (RM Juta)      | (RM Juta)           | (RM Juta)                | (RM Juta)                | (%)    |
| 4.     | Majlis Perbandaran Kuala Kangsar | 9.05           | 4.61                | 4.44                     | 9.57           | 4.24                | 5.33                     | 0.89                     | 20.0   |
| 5.     | Majlis Perbandaran Teluk Intan   | 10.87          | 4.36                | 6.51                     | 8.44           | 4.00                | 4.44                     | -2.07                    | -31.8  |
| 6.     | Majlis Daerah Kerian             | 13.83          | 1.25                | 12.58                    | 14.87          | 1.16                | 13.71                    | 1.13                     | 9.0    |
| 7.     | Majlis Daerah Tanjong Malim      | 4.11           | 4.90                | -0.79                    | 6.30           | 5.54                | 0.76                     | 1.55                     | -196.2 |
| 8.     | Majlis Daerah Tapah              | 7.35           | 4.64                | 2.71                     | 7.11           | 2.55                | 4.56                     | 1.85                     | 68.3   |
| 9.     | Majlis Daerah Gerik              | 4.11           | 0.57                | 3.54                     | 4.33           | 0.81                | 3.52                     | -0.02                    | -0.6   |
| 10.    | Majlis Daerah Selama             | 1.40           | 0.38                | 1.02                     | 2.85           | 0.47                | 2.38                     | 1.36                     | 133.3  |
| 11.    | Majlis Daerah Perak Tengah       | 17.36          | 3.45                | 13.91                    | 17.59          | 2.66                | 14.93                    | 1.02                     | 7.3    |
| 12.    | Majlis Daerah Lenggong           | 3.24           | 0.44                | 2.80                     | 3.10           | 0.69                | 2.41                     | -0.39                    | -13.9  |
| 13.    | Majlis Daerah Kampar             | 10.16          | 2.60                | 7.56                     | 11.14          | 2.82                | 8.32                     | 0.76                     | 10.1   |
| 14.    | Majlis Daerah Pengkalan Hulu     | 3.91           | 0.43                | 3.48                     | 3.41           | 0.50                | 2.91                     | -0.57                    | -16.4  |
| 15.    | Majlis Daerah Batu Gajah         | 33.66          | 2.10                | 31.56                    | 33.44          | 2.07                | 31.37                    | -0.19                    | -0.6   |
| JUMLAH |                                  | 299.99         | 93.69               | 206.30                   | 316.82         | 93.04               | 223.78                   | 17.48                    | 8.5    |

Sumber: Penyata Kewangan PBT Belum Audit Sehingga 30 Jun 2017

**6.6.4.2.** Analisis Audit terhadap aset semasa bersih PBT mendapati perkara berikut:

- a. Aset semasa bersih 15 PBT secara keseluruhannya pada tahun 2016 berjumlah RM223.78 juta berbanding sejumlah RM206.30 juta pada tahun 2015 iaitu meningkat sejumlah RM17.48 juta atau 8.5%.
- b. Aset semasa bersih tahun 2016 bagi Majlis Bandaraya Ipoh telah meningkat sejumlah RM10.85 juta atau 10.8% kepada RM111.23 juta berbanding sejumlah RM100.38 juta pada tahun 2015. Perubahan ini disebabkan aset semasa bertambah sejumlah RM11.89 juta berbanding RM142.29 juta pada

tahun 2015. Penghutang dan pelaburan simpanan tetap adalah penyumbang utama kepada pertambahan aset semasa ini.

- c. Aset semasa bersih bagi Majlis Perbandaran Taiping menunjukkan penurunan sejumlah RM3.54 juta atau 27.1% kepada RM9.50 juta pada tahun 2016 berbanding sejumlah RM13.04 juta pada tahun 2015. Penurunan ini disebabkan aset semasa berkurang sejumlah RM4.70 juta berbanding sejumlah RM24.06 juta pada tahun 2015. Penurunan ketara ini adalah bagi item pendahuluan pinjaman dan wang di bank dan di tangan. Aset semasa bersih bagi Majlis Perbandaran Manjung menunjukkan peningkatan sejumlah RM4.85 juta atau 136.2% kepada RM8.41 juta pada tahun 2016 berbanding sejumlah RM3.56 juta pada tahun 2015. Peningkatan ini disebabkan aset semasa bertambah sejumlah RM6.54 juta berbanding sejumlah RM14.59 juta pada tahun 2015. Aset semasa bersih bagi Majlis Perbandaran Kuala Kangsar menunjukkan pertambahan sejumlah RM891,614 atau 20.0% pada tahun 2016 berbanding pada tahun 2015 sejumlah RM4.44 juta. Pertambahan ini disebabkan liabiliti semasa berkurang sejumlah RM891,614 berbanding sejumlah RM4.61 juta pada tahun 2015. Pengurangan adalah bagi pemiutang dan terimaan terdahulu. Bagi Majlis Perbandaran Teluk Intan, aset semasa bersih menunjukkan penurunan sejumlah RM2.07 juta atau 31.8% iaitu sejumlah RM6.51 juta pada tahun 2015 berbanding sejumlah RM4.44 juta pada tahun 2016. Penurunan ini disebabkan penurunan aset semasa iaitu bagi item wang di bank, simpanan tetap dan akaun belum terima.
- d. Enam (6) Majlis Daerah menunjukkan peningkatan aset semasa bersih antara sejumlah RM755,020 hingga RM1.85 juta atau 10.1% hingga 68.3% berbanding tahun sebelumnya. Majlis Daerah yang terlibat adalah Majlis Daerah Kerian, Tanjong Malim, Tapah, Selama, Perak Tengah dan Kampar. Manakala empat (4) Majlis Daerah menunjukkan penurunan aset semasa bersih antara sejumlah RM12,529 hingga RM0.57 juta atau 0.6% hingga 16.4%. Majlis Daerah yang terlibat adalah Majlis Daerah Gerik, Lenggong, Pengkalan Hulu dan Batu Gajah.

#### **6.6.5. Tunggakan Hasil Cukai Taksiran Am**

**6.6.5.1.** Cukai Taksiran adalah cukai tahunan yang dikenakan terhadap aset pegangan di bawah kawasan pentadbiran PBT mengikut kuasa Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Cukai Taksiran adalah merupakan penyumbang utama kepada pendapatan PBT. Cukai Taksiran dikenakan ke atas pegangan seperti rumah kediaman, harta perdagangan (kedai, kilang, hotel dan sebagainya), harta industri (kilang dan sebagainya). Carum bantu kadar merupakan cukai tahunan yang dikenakan ke atas bangunan milik

Kerajaan. Sehingga akhir tahun 2016, sejumlah RM243.66 juta Cukai Taksiran telah dikutip oleh PBT di Negeri Perak. Kutipan Cukai Taksiran ini meningkat sejumlah RM16.16 juta atau 7.1% berbanding pada tahun 2015.

**6.6.5.2.** Secara keseluruhannya, analisis Audit terhadap tunggakan Cukai Taksiran bagi 15 PBT mendapati jumlah tunggakan meningkat daripada sejumlah RM85.92 juta pada tahun 2015 menjadi RM89.60 juta pada tahun 2016 iaitu peningkatan sejumlah RM3.68 juta atau 4.3%. Tunggakan Cukai Taksiran PBT bagi tahun 2015 dan 2016 adalah seperti di **Jadual 6.11**.

**JADUAL 6.11**  
**TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN PBT BAGI TAHUN 2015 DAN 2016**

| BIL.          | PBT                              | TAHUN        |              | PERUBAHAN   |            |
|---------------|----------------------------------|--------------|--------------|-------------|------------|
